


Jilid I
Bil. 39

Hari Jumaat
8hb Disember, 1978



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3873]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) [Ruangan 3894]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 3909]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- ” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis)
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Jumaat, 8hb Disember, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH
TAMIL/CHINA

1. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang Kementerian beliau telah ambil untuk memperbaiki taraf Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah rendah Tamil dan China tanpa menjejaskan taraf pengajaran bahasa ibunda.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, pihak Kementerian saya kini sedang mengkaji semula sukatan pelajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah rendah, bakal disesuaikan dengan keadaan yang terdapat di sekolah-sekolah tersebut, baik dari segi peruntukan masa mahu pun dari segi kemudahan yang sedia ada. Di dalam proses pengkajian semula ini, faktor-faktor mengenai sekolah jenis kebangsaan, samada China ataupun Tamil, diberikan perhatian sewajarnya.

Pihak Kementerian saya juga telah melatih kakitangan penting Bahasa Malaysia bagi sekolah-sekolah rendah. Mereka ini akan ditugaskan melatih guru-guru Bahasa Malaysia di negeri masing-masing pada peringkat daerah. Kursus dalam perkhidmatan ini melibatkan semua guru Bahasa Malaysia termasuk guru-guru di sekolah rendah jenis kebangsaan. Di samping itu gerakerja perbengkelan diadakan untuk guru-guru Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan bagi menyediakan bahan-bahan pengajaran. Bahan-bahan tersebut kelak akan dijadikan "panduan guru".

Agar penguasaan Bahasa Malaysia murid mempunyai untaian dan persepaduan, maka guru-guru Bahasa Malaysia sentiasa diingatkan supaya tidak terburu-buru hendak menghabiskan sukatan pelajaran dan buku teks dari kulit ke kulit, tanpa menimbangkan keupayaan murid. Pihak Kementerian sentiasa menegaskan kepada mereka supaya mengajar mengikut aras pencapaian murid. Hanya dengan cara ini penghadaman bahan-bahan yang diajarkan itu akan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Pihak Kementerian saya juga sentiasa mengingatkan guru-guru supaya perancangan jadual waktu dilakukan dengan cermat agar matapelajaran Bahasa Malaysia mendapat tempat di mana pembelajaran berlaku dengan berkesan. Di samping itu, mereka juga dinasihatkan supaya mengadakan gerakerja-gerakerja luar darjah bagi Bahasa Malaysia, seperti bahas, kuiz, lakunan dan seumpamanya. Ada sekolah-sekolah didapati mengadakan "Hari Bahasa Malaysia" dengan tujuan menggalakkan lagi murid-murid mempelajari bahasa tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun berbagai-bagai usaha dan kegiatan dijalankan bagi memperbaiki taraf Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah rendah China dan Tamil ianya tidaklah menjadikan taraf pengajaran bahasa ibunda (Bahasa China dan Bahasa Tamil) di sekolah-sekolah yang berkenaan. Buktinya ialah masa (waktu) yang diuntukkan bagi bahasa ibunda (Bahasa China dan Bahasa Tamil) tetap tidak kurang daripada:

Darjah I-III	...	420 minit seminggu.
Darjah IV	...	400 minit seminggu.
Darjah V dan VI	...	360 minit seminggu.

Peruntukan Bahasa Malaysia pula tetap separuh daripada peruntukan bagi bahasa ibunda iaitu:

Darjah I-III	...	180 minit seminggu.
Darjah IV-VI	...	200 minit seminggu.

Selain daripada itu prestasi Bahasa China dan Bahasa Tamil di sekolah-sekolah rendah aliran China dan Tamil adalah menggalakkan dan usaha-usaha mengekalkan mutu pencapaian dan pengajarannya tetap dipelihara oleh Kementerian saya. Oleh itu, Yang Berhormat tidaklah perlu bimbang mengenai masalah ini, kerana Kementerian saya sentiasa bersikap adil dan tidak bersikap menekan bahasa-bahasa lain bagi memperbaiki taraf Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah kita.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, jawapan dari Timbalan Menteri Pelajaran mengenai langkah-langkah yang diambil dari pelajaran kuiz-kuiz dan lain-lain tetapi masa ini murid-murid tidak boleh membaca dan tidak boleh bercakap. Apakah langkah yang boleh diambil oleh Menteri Pelajaran untuk inject interest dari murid-murid membaca Bahasa Malaysia sebab Sekolah Jenis Kebangsaan China tidak ada satu sekolahpun yang boleh dapat 10% murid-murid lulus dalam Bahasa Malaysia dan yang selebihnya langsung tidak ada yang lulus. Apakah tindakan atau langkah-langkah yang boleh diambil inject interest untuk murid-murid dan tukarkan attitude, itu mustahak.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguh dahulu kerana tiada kuasa letrik. Saya diberitahu kuasa letrik di luar Parlimen juga terganggu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya diberitahu bahawa janakuasa di luar yang besar adalah rosak dan ianya mengambil masa sedikit untuk membaikinya. Oleh sebab itu, saya tempohkan Dewan sehingga mendapat kuasa letrik semula.

Dewan ditangguhkan pada pukul 2.40 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 3.35 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Keluang mengulangi soalnya, itupun kalau hendak soal lagi, kalau tak ada, tak apalah.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Menurut jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa langkah-langkah yang diambil ialah civic courses dan lain-lain. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri "inject" sedikit attitude murid-murid yang menerima Bahasa Malaysia, sebab dalam Standard V Assessment Examination ini, ada satu daerah tidak ada satu sekolah yang ada 10% murid-murid yang lulus peperiksaan Bahasa Malaysia. Apakah langkah boleh diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk menukar attitude murid-murid yang menerima Bahasa Malaysia, sebab ini adalah mustahak?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya sendiri tak beri "inject", tetapi saya mahu semua memberikan pertolongan, barulah saya boleh inject attitude kepada murid-murid supaya mereka boleh insaf bahawa Bahasa Malaysia adalah salah satu bahasa yang penting dan mustahak untuk kita. Apa yang saya sebutkan tadi dalam jawapan pokok saya iaitu kuiz cuma satu daripada kegiatan-kegiatan kita berikan galakan.

Langkah-langkah yang saya sebutkan dalam jawapan saya tadi ialah langkah-langkah yang tertentu yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran. Tetapi selain daripada usaha-usaha Kementerian Pelajaran, saya fikir—dan fikiran inipun sama juga dengan Ahli Yang Berhormat—iaitu attitude atau sikap murid-murid dan juga ibubapa sekalian yang mustahak. Kita dapat tahu murid-murid cuma berada di sekolah lebih kurang 5 atau 6 jam sehari, jadi sebahagian besar masa mereka ialah di rumah masing-masing. Jadi ibubapa patutlah mengawasi murid-murid sendiri supaya dapat belajar bersungguh-sungguh dan juga pihak ibubapa sekalian selain daripada mengasuh, mengawal dan memberikan inspirasi, mestilah juga mengambil langkah yang positif supaya boleh menambahkan bahan-bahan bacaan, galakan-galakan dan sebagainya supaya selain daripada murid-murid dapat kegiatan-kegiatan dan juga pelajaran daripada sekolah mereka pun boleh dapat menambahkan lebih pengajaran dan juga panduan daripada ibubapa sekalian. Dengan semua usaha ini, saya yakin Bahasa Malaysia tentulah akan boleh mencapai satu peringkat atau satu taraf yang baik di dalam sekolah-sekolah jenis kebangsaan kita.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Speaker, adalah menjadi kenyataan sepertimana yang diakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran bahawa taraf Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah China adalah amat rendah sekali dan adalah juga menjadi kenyataan bahawa oleh kerana taraf Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Tionghua, oleh kerana rendah itu menjejaskan pelajar-pelajar Sekolah Tionghua ini apabila mereka pergi ke sekolah menengah, umpamanya, ke Tingkatan Satu dan adalah juga menjadi kenyataan bahawa sebab rendahnya taraf Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah China ini ialah disebabkan bahasa penghantarnya bukan Bahasa Kebangsaan. Oleh yang demikian, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sama ada beliau bercadang untuk memperkenalkan (introduce) di mana yang sesuai di mata-mata pelajaran yang tertentu menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar, dengan cara itu memahirkan pelajar-pelajar itu dalam Bahasa Malaysia dan dengan itu menolong mereka, apabila mereka pergi ke Tingkatan Satu, mereka sudahpun fasih di dalam Bahasa Malaysia. Soalan saya ialah, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk hendak mengadakan bahasa penghantar di dalam Bahasa Malaysia di mata-mata pelajaran yang tertentu dan sesuai.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya sukalah menjelaskan bahawa kedudukan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan sudah terang dan jelas di dalam Akta Pelajaran kita dan juga kalau tidak silap saya, Perkara 20 di dalam Akta Pelajaran itu adalah menjelaskan kedudukan Sekolah Jenis Kebangsaan di negara kita ini. Jadi, saya berharap tidak ada pertikaian mengenai perkara itu. Walau bagaimanapun kedudukannya sekarang iaitu oleh kerana barangkali ada didapati kelemahan-kelemahan di dalam Bahasa Malaysia di peringkat Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, sebab itulah kita mengadakan Kelas Peralihan (Remove Class) untuk murid-murid daripada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan sebelum melangkah ke peringkat menengah. Kelas Peralihan ini sangatlah berguna dan juga sangatlah berkesan (effective) untuk murid-murid yang kesemuanya datang daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Dengan ini keadaan yang ada sekarang sangat

memuaskan dan kita akan menjalankan supaya perkara ini dapat diikuti dalam masa yang lama lagi.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat dari Sepang tadi belum dijawab lagi, iaitu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar salah satu faktor yang menyebabkan kelemahan atau rendahnya taraf pelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil ini kerana Bahasa Malaysia itu diajar pada matapelajaran bahasa sahaja—satu subject. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Kementerian Pelajaran bercadang hendak mengajar Bahasa Malaysia ini untuk matapelajaran, misalnya, Ilmu Hisab ataupun Ilmu Alam ataupun Sejarah, menambah satu atau dua matapelajaran lagi. Dengan ini kita tidak mengganggu-gugat penghantar bahasa ibunda masing-masing. Kita cuma menambah iaitu dengan menambah mengajar dalam Bahasa Malaysia untuk matapelajaran Sejarah ataupun Ilmu Alam?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita hendak menambahkan matapelajaran seperti menjadikan pelajaran Ilmu Hisab atau Tawarikh diajarkan dalam Bahasa Malaysia, barangkali ini akan mengubah characteristic Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan masing-masing. Ini sebab-sebabnya yang tertentu, saya fikir Ahli Yang Berhormat sendiri pun tahu berkenaan dengan keadaan-keadaan yang tertentu. Setakat ini Kementerian Pelajaran tidaklah bercadang untuk mengubah corak yang seperti itu.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya daripada soalan asal itu kita dapati bahawa sangatlah mustahak Bahasa Kebangsaan kanak-kanak tidak kira daripada aliran apa mereka berada. Merujuk kepada soalan tambahan yang dibuat oleh wakil dari Keluang tadi yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, nampaknya peranan yang dimainkan untuk memajukan kanak-kanak sekolah adalah bergantung kepada kanak-kanak, kepada ibubapa dan juga kepada guru. Adakah tidak terfikir kepada Kementerian berkenaan bahawa perkara ini bukanlah begitu acute sangat di tempat lain, mungkin di Keluang

sahaja berlaku demikian, bukankah peranan Wakil Rakyat di tempat itu sama mengambil daya inisiatif menggalakkan supaya ibubapa, murid-murid dan juga guru mengambil peranan lebih di dalam pelajaran.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, tadi di luar Dewan ini beliau sudah mengatakan boleh bekerjasama. (*Ketawa*)

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapakah bilangan murid-murid di Sekolah Tamil dan Sekolah China dan apakah kadar yang gagal di dalam peperiksaan dalam Bahasa Malaysia supaya kita boleh hendak menentukan dan membandingkan sama ada dari setahun ke setahun, kita telah mencapai lebih kejayaan atau sebaliknya.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, tidak ada angka yang menunjukkan di sini, tetapi secara umumnya dari setahun ke setahun kita ada mencapai kemajuan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya bagi membaiki taraf Bahasa Malaysia di Sekolah China dan Tamil, di Sekolah China adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar bahawa sebab-sebabnya murid-murid Sekolah Rendah China tidak berminat belajar Bahasa Malaysia kerana desakan dari anasir-anasir dan ura-ura hendak mendirikan Universiti Merdeka kerana Universiti Merdeka ini akan menggunakan bahasa China.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan hendak mendapatkan fikiran atau pendapat tidak payah dijawab.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sama ada salah satu daripada sebab terdapat kelemahan dalam Bahasa Malaysia di beberapa buah Sekolah China dan Tamil adalah kekurangan guru-guru terlatih untuk mengajar Bahasa Malaysia dan kalau ini benar, adakah Kerajaan bercadang untuk menghantar lebih ramai lagi guru-guru yang terlatih untuk mengajar Bahasa Malaysia dan juga untuk menambakan buku-buku bacaan tambahan sebagai

salah satu daripada langkah untuk menggalakkan kanak-kanak di dalam Sekolah-sekolah China dan Tamil untuk membaca buku-buku dalam Bahasa Malaysia?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua cadangan ini kita sudahpun laksanakan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Speaker, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar bahawa sebab penting kelemahan pelajar-pelajar sekolah Tionghua dalam Bahasa Malaysia adalah disebabkan kerana bahasa penghantar sekolah itu tidak menggunakan Bahasa Malaysia.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya minta Ahli Yang Berhormat itu sila ulangkan soalnya sekali lagi.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sebab yang penting mengapa pelajar-pelajar di sekolah rendah Tionghua lemah di dalam Bahasa Malaysia ialah kerana bahasa penghantar sekolah itu dan banyak matapelajaran-mata-pelajaran yang diajarkan adalah menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Malaysia?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, ini barangkali boleh jadi satu daripada faktor-nya.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengakui bahawa di antara sebab-sebab rendahnya mutu bahasa Malaysia di sekolah-sekolah berkenaan ialah kerana faktor guru. Saya ingin tahu sama ada soal kekurangan guru-guru bahasa ini wujud di sekolah-sekolah lain dari Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan China dan Tamil.

Dato' Chan Siang Sun: Sekolah-sekolah yang lain pun ada menghadapi perkara ini.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut pengalaman saya, saya dapati beberapa rakan saya yang ada duduk atau bergaul dengan kawan-kawan dari kaum Melayu, orang itu sangat

fasih dalam Bahasa Malaysia. Oleh sebab itu bolehkah Kerajaan timbang satu rancangan bagi murid-murid dari sekolah Tiong-hua atau Tamil di mana hari kelepasannya boleh murid-murid dari sekolah itu memasuki rancangan pindahan atau berhubung dengan keluarga-keluarga Melayu untuk satu masa, dan dalam masa itu dia boleh membaca atau bercakap dalam Bahasa Malaysia dengan lebih senang.

Dato' Chan Siang Sun: Barangkali Ahli Yang Berhormat itu maksudkan program untuk anak angkat. Ini satu cadangan yang baik. Jika inisiatif itu mula-mula datang daripada Ahli Yang Berhormat, sebagai permulaan ini adalah langkah yang baik. Tetapi walau bagaimanapun ini satu cadangan yang saya boleh berikan perimbangan.

GAJI MINIMA PEKERJA

2. Tuan V. David minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau bercadang melaksanakan sekim gaji minima bagi semua pekerja di peringkat kebangsaan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan sosio ekonomi kita sekarang, perhatian Kerajaan adalah ditumpukan kepada dua aspek, di bawah Dasar Ekonomi Baru iaitu:

- (i) Mengujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan yang produktif yang akan dapat memberikan sumber pendapatan terutama kepada mereka yang berpendapatan rendah; dan
- (ii) Meningkatkan lagi pendapatan kumpulan-kumpulan masyarakat kita yang miskin, dengan cara menambahkan daya pengeluaran mereka, terutama sekali di dalam bidang pertanian dan perusahaan-perusahaan kecil.

Pendekatan (approach) ini akan membolehkan kita meningkatkan pendapatan rakyat kita secara am. Oleh kerana negara kita masih mempunyai sebahagian dari rakyatnya yang bekerja sendiri (self-employed), pendekatan untuk meningkatkan pendapatan melalui gaji minima, yang akan hanya memberi faedah kepada mereka yang digaji sahaja, sudah tentu akan mengecuali-

kan sebahagian daripada penduduk-penduduk negara kita yang bekerja sendiri itu. Oleh yang demikian, pembentukan gaji minima, pada ketika ini, akan hanya meluaskan jurang pendapatan di antara berbagai-bagai sektor penduduk negara kita. Memandangkan kepada alasan-alasan ini, maka Kerajaan tidak bercadang, pada peringkat ini, untuk memperkenalkan satu gaji minima bagi semua kumpulan-kumpulan pekerja.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya telahpun mempunyai peruntukan di bawah Ordinan Majlis-majlis (Wages Council Ordinance) untuk menubuhkan Majlis-majlis Gaji di dalam pekerjaan-pekerjaan di mana gaji adalah rendah dan pihak-pihak pekerja-pekerja tidak mempunyai organisasi yang kuat melalui kesatuan sekerja. Majlis-majlis Gaji seperti ini, yang menyediakan gaji-gaji minima dan syarat perkhidmatan telahpun berjalan dengan baik seperti yang terdapat bagi pembantu-pembantu kedai, pekerja-pekerja panggung wayang gambar, pekerja-pekerja dalam perusahaan hotel dan pekerja-pekerja di Pelabuhan Pulau Pinang. Majlis-majlis ini sekarang meliputi lebih kurang seramai 150,000 pekerja. Kementerian saya bersedia menubuhkan Majlis-majlis Gaji yang sama bagi kumpulan-kumpulan yang lain jika difikirkan perlu.

Tuan Chan Teck Chan: Sungguhpun kita ada Majlis-majlis Gaji untuk menetapkan gaji minima untuk beberapa kategori kaum pekerja, tetapi ini hanya merupakan kurang daripada 5% dari jumlah bilangan labour force yang ada di Malaysia. Adakah Timbalan Menteri Buruh menyedari bahawa 80% kaum pekerja yang ada di Malaysia hari ini adalah low-paid, maka matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah mempertinggikan taraf ekonomi golongan yang berpendapatan rendah dan kecil, maka bilakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh akan menimbang semula bahawa satu undang-undang gaji minima dapat diadakan supaya kaum pekerja kita boleh diperlindungi di bawah undang-undang yang berkenaan supaya mereka tidak akan dijadikan hamba atau budak-budak seperti di zaman penjajahan.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu di mana Ahli Yang Berhormat itu dapat perangkaan bahawa

80% golongan pekerja adalah berpendapatan rendah. Definasi berpendapatan rendah pada pihak DAP mungkin lain daripada apa yang kita dapat dari angka-angka Kerajaan.

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum pelabur-pelabur asing datang ke negara kita ini oleh kerana memandangkan bahawa gaji ataupun imbuhan yang didapati di negara kita ini lebih rendah daripada negara-negara lain dan apabila kita katakan gaji rendah (minimum wage), ini adalah satu perkara yang subjektif. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Buruh memandangkan jika efficiency seseorang pekerja itu dapat ditambah maka sudah tentu pihak majikan akan menambahkan gaji pekerjanya lagi. Apakah rancangan yang sedang dijalankan oleh Kementerian berkenaan ataupun apakah rancangan yang telah diminta oleh Kementerian ini dijalankan oleh majikan-majikan untuk memberi kursus latihan (in-service training) kepada pekerja-pekerja di setiap kilang ataupun perusahaan di negara kita ini.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, adalah mustahak untuk kita memahami bahawa pelabur-pelabur asing digalakkan dalam negara ini bukan kerana gaji yang dibayar kepada pekerja kita ialah lebih rendah daripada apa yang dihadapi oleh mereka di negara-negara lain, tetapi saya fikir kerana pada amnya pekerja-pekerja Malaysia adalah lebih produktif yang lebih senang dilatih dalam urusan-urusan praktikal seperti yang diminta oleh pelabur-pelabur asing dan juga saya fikir lebih-lebih lagi kerana suasana politik dan suasana ekonomi yang stable di negara kita. Walau bagaimanapun cadangan Ahli Yang Berhormat untuk usaha-usaha yang boleh menambahkan daya pengeluaran (productivity) pekerja-pekerja adalah satu yang baik dan memang sudah pun dijalankan oleh Kerajaan. Kementerian saya sendiri mempunyai beberapa rancangan di mana pekerja-pekerja khususnya di kilang-kilang dapat dilatih semasa mereka bekerja, dan juga kita terdapat satu Pusat Daya Pengeluaran (National Productivity Centre) yang sudah beberapa tahun ini menjalankan kursus-kursus seperti Supervisory, management

grades ahli-ahli pekerja dan lain-lain, dan memang adalah hasrat Kerajaan untuk menambahkan usaha-usaha seperti ini.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Saya ber-setuju bahawa pelabur-pelabur datang kemari kerana kecekapan pekerja-pekerja kita dan kerana kesetabilan politik dan ekonomi di negara ini, tetapi adakah Timbalan Menteri itu sedar bahawa jarak gaji di antara pekerja-pekerja elektronik umpamanya di Singapura \$7.30 bagi seorang di kawasan Pilihanraya saya

Tuan Yang di-Pertua: \$7.30 itu untuk sebulankah atau sehari?

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Sehari. Tetapi di kawasan Pilihanraya saya \$3.20. Apakah ini boleh dicerminkan menggambarkan kecekapan yang dibuat oleh pekerja kita kesetabilan politik dan ekonomi di negara ini dijadikan landasan untuk menindas pekerja-pekerja kilang di mana hampir jauh tempat saya dengan Singapura ialah kira-kira 45 batu?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa taraf gaji lebih kurang semua bidang adalah kurang di sini jika dibandingkan dengan negara Singapura. Oleh kerana itulah saya fikir banyak perusahaan-perusahaan yang tidak mampu membayar gaji itu di Singapura alih kepada kawasan Ahli Yang Berhormat dan lain-lain. Tetapi gaji yang disebutkan oleh beliau untuk pekerja-pekerja letrik biasa dikatakan "minah kilat" saya dengar \$3.20 sehari dan lain-lain, adalah gaji permulaan sahaja.

Saya mempunyai angka-angka di sini di mana kita telah meninjau keadaan gaji dan kita telah terdapat bahawa selepas tempoh percubaan mereka, gajinya adalah dinaikkan dan pada biasanya purata gaji untuk pekerja di kilang-kilang letronik adalah lebih daripada \$5 sehari.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebagai alasan menolak gaji minima, Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan menyatakan gaji minima ditolak disebabkan oleh kalau gaji minima itu diamalkan, maka jurang pendapatan di antara mereka yang bergaji minima dengan golongan-golongan yang bekerja bersendirian akan menjadi

lebih luas. Dengan alasan yang dibuat oleh Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah beliau bermaksud bahawa pada hari ini, pada sekarang ini, golongan-golongan mereka yang bekerja bersendirian, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bermaksud golongan itu berpendapatan jauh rendah daripada mereka yang bergaji bulanan yang tetap?

Tuan K. Pathmanaban: Ya.

PEMANDU LORI—HAD LAJU

3. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah ikhtiar Kerajaan bagi mengatasi masalah pemandu-pemandu yang memandu lori lebih laju dari yang dihadkan oleh kerana lori-lori yang laju adalah bahaya pada keselamatan jalanraya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pengangkutan Jalan ada mempunyai 62 orang Pegawai Penguatkuasa yang bertugas menguatkuasakan undang-undang lalulintas termasuklah menguatkuasakan kaedah-kaedah yang mengawal kenderaan perdagangan. Mana-mana lori yang memandu lebih daripada had laju yang dibenarkan mengikut undang-undang sekarang adalah salah. Pegawai Pengangkutan, Jabatan Pengangkutan Jalan adalah sentiasa diarah menguatkuasakan undang-undang itu, termasuklah penguatkuasa had laju kenderaan perdagangan. Di dalam hal ini, Jabatan Pengangkutan Jalan juga adalah sentiasa dibantu oleh pihak Polis. Juga Kerajaan telah meminta kerjasama pegawai-pegawai Kerajaan Bahagian I, melaporkan kesalahan-kesalahan seperti itu ke Ibu Pejabat; dengan demikian Jabatan Pengangkutan Jalan boleh mengambil tindakan membatalkan atau menggantung lesen pemandu-pemandu.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah response atau sambutan daripada pegawai-pegawai Division I terhadap tugas mereka untuk melaporkan kenderaan-kenderaan yang laju di jalanraya selama ini? Adakah mereka ini membuat laporan atau berapa

banyak laporan yang diterima oleh pihak Kementerian daripada pegawai-pegawai yang tersebut.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah dapat hendak memberikan angka-angka mengenai response yang didapati oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Tetapi Jabatan ini biasanya mendapat pengaduan-pengaduan seperti itu daripada pihak pegawai-pegawai tersebut.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan keterangan Timbalan Menteri tadi bahawa selain daripada RIMV, pegawai-pegawai Division I juga diberi kuasa untuk melaporkan, adakah Kementerian bercadang untuk memberi kuasa yang sama kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, samada Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Negeri?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua sehingga ini rasanya Kementerian tidaklah bercadang hendak memberikan kuasa seperti itu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana difikirkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat ini tidaklah sepatutnya dari segi maruah atau seumpamanya menjadi sebagai pegawai-pegawai yang menjalankan penguatkuasaan ini.

Tuan Hishamuddin bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Pegawai-pegawai Penguatkuasa ini barangkali sudah lama wujudnya; dan begitu juga kuasa yang diberi kepada pegawai-pegawai Division I ini sudah lama diberikan. Tetapi sudah pasti barangkali ini tidak memberi kesan yang baik maka sebab itulah diujudnya soalan di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi dengan itu saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan samada Kementerian ini ada membuat cara-cara yang baharu ataupun peraturan yang baharu dan usahasama dengan Polis untuk mengawasi perkara ini? Jadi saya percaya itulah tujuan soalan ini.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak Kementerian telahpun melantik sebuah Jawatan-kuasa untuk mengkaji pada keseluruhannya keadaan ini, iaitu termasuklah keadaan-keadaan had laju yang dikenakan selama ini dan penguatkuasaan yang dijalankan, kerana memanglah Kementerian juga sedar bahawa

dalam perkembangan kemajuan sekarang ini, ada tempat-tempatnya yang had laju dikuatkuasakan selama ini boleh jadi tidak sesuai dengan keadaan kemajuan yang ada sekarang ini.

ANGKATAN TENTERA—BAYARAN SAGUHATI

4. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar anggota Angkatan Tentera yang terkorban dalam masa menjalankan tugas biasa dibayar pampasan/saguhati yang kurang daripada Anggota Tentera yang terkorban dalam masa menjalankan gerakan operasi rancangan dan jika ya, samada terdapat sebarang rancangan untuk membayar jumlah pampasan/saguhati yang sama dalam kedua-dua kes ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar kenyataan bahawa Anggota-anggota Tentera yang terkorban semasa menjalankan tugas biasa, dibayar pampasan atau saguhati atau ganjaran kematian yang kurang dari anggota tentera yang terkorban semasa menjalankan tugas gerakan (operasi).

Sebenarnya perbezaan di dalam pembayaran ini adalah menurut sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Peraturan Tentera Biasa (Pencen, Ganjaran dan Lain-lain Pemberian), 1978 yang dikuatkuasakan mulai 1hb Januari, 1976 di mana pembayaran pencen tanggungan dan ganjaran kematian bagi Anggota-anggota Tentera yang terkorban adalah dibuat di dalam tiga jenis pembayaran berdasarkan cara kematian seperti berikut:

(a) *Kematian akibat bukan tugas ketenteraan (Death not due to service)*

Kematian ini dianggap sebagai kematian biasa disebabkan oleh sesuatu penyakit yang disahkan tiada berkaitan dengan tugas ketenteraan atau kematian semasa di dalam cuti atau di luar waktu bertugas.

(b) *Kematian akibat tugas ketenteraan (Death due to service)*

Kematian ini adalah kematian yang disahkan akibat dari tugas ketenteraan seperti meninggal dunia akibat kemalangan jalanraya semasa menjalankan tugas-tugas ketenteraan.

(c) *Kematian dalam gerakan (operasi), pertempuran atau kemalangan kapal-terbang.*

Bagi kematian jenis ketiga ini selain dari ganjaran sebagaimana yang terdapat dalam katogeri (a) dan (b) tadi, Kerajaan juga menyumbangkan saguhati sebanyak \$10,000 dari Derma Pertahanan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya tiga cara kematian seperti yang dimaksudkan di atas tadi maka pembayaran ganjaran/saguhati adalah diperuntukkan di bawah tiga pembayaran yang berbeza. Sebagai misalnya, seorang prebet sekiranya beliau meninggal dunia akibat kategori yang pertama tadi iaitu bukan dari tugas ketenteraan ganjaran kematian yang akan diterima oleh balunya ialah sebanyak \$2,025. Sekiranya kematian beliau akibat dari tugas ketenteraan iaitu dalam kategori (b) ganjaran kematiannya ialah \$3,619. Dan seterusnya jika beliau meninggal dunia akibat tugas operasi/kemalangan kapalterbang ganjaran yang diterima ialah sebanyak \$5,066.

Selain dari ganjaran kematian ini pencen tanggungan juga adalah diberi kepada balu atau ibubapa perajurit itu. Anggota Tentera yang meninggal dunia bukan dari tugas ketenteraan pencen tanggungan adalah dibayar selama 12½ tahun atau sehingga balu berkahwin semula (tertakluk mana yang lebih awal), sementara anggota tentera yang meninggal dunia akibat tugas ketenteraan dan terbunuh semasa operasi iaitu dalam kategori (b) dan (c) pencen tanggungan adalah dibayar seumur hidup atau sehingga balu beliau berkahwin semula (tertakluk mana yang lebih awal).

Bagi pegawai, ganjaran kematian adalah dibayar mengikut pangkat sementara pencen tanggungan bagi yang terkorban bukan kerana tugas ketenteraan adalah dibayar selama 12 tahun juga atau sehingga balu beliau berkahwin semula mengikut kiraan formula "Pencen Perkhidmatan" atau sekurang-kurangnya 1/5 dari gaji terakhir. Bagi yang terkorban kerana tugas dan operasi pencen tanggungan adalah dibayar selama 12½ tahun atau sehingga balu pegawai tersebut berkahwin semula (tertakluk yang mana lebih awal).

Suka saya menjelaskan di sini bahawa bantuan-bantuan lain adalah juga diberi oleh Kerajaan dari Derma Pertahanan Negara, Tabong Amanah Perwira Negara kepada balu, ibubapa dan bantuan persekolahan anak-anak anggota yang telah terkorban tadi. Setakat ini bagi makluman Ahli Yang Berhormat ada juga Kerajaan-kerajaan negeri yang telah memberikan bantuan kepada tanggungan perajurit yang terkorban umpamanya seperti memberi tanah, rumah, mengambil anak-anak tanggungan sebagai anak angkat Kerajaan Negeri, pemberian biasiswa kepada anak-anak yang sedang belajar dan sebagainya. Langkah-langkah ini adalah untuk mengurangkan kesusahan yang dihadapi oleh tanggungan perajurit yang terkorban tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat samada terdapat sebarang rancangan untuk menyamakan jumlah bayaran ganjaran/saguhati bagi anggota yang tersebut, sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan berpendapat bahawa pembayaran tersebut yang telah dilakukan pada masa ini adalah berpatutan. Perlu dijelaskan bahawa sekim tersebut baru sahaja dipinda untuk menyesuaikan dengan tanggagaji baru Angkatan Tentera. Oleh yang demikian, masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah berbangkit.

KERAKYATAN BAGI BAYI YANG DILAHIRKAN

5. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai wanita-wanita asing yang mana ibubapa mereka adalah sama ada rakyat Malaysia atau penduduk tetap Malaysia, datang ke Malaysia untuk melahirkan anak mereka untuk mendapatkan kerakyatan Malaysia bagi bayi itu. Mengikut undang-undang kerakyatan sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibubapanya adalah penduduk tetap pada masa bayi itu dilahirkan, bayi tersebut dengan sendirinya adalah rakyat negara ini. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj); Tuan Yang di-Pertua, bagi

menjawab soalan ini, sukalah saya menyatakan tidak. Kelahiran seseorang bayi yang mana ibubapa kepada ibu bayi itu sama ada seseorang warganegara Malaysia ataupun penduduk tetap tidaklah membolehkan seseorang bayi itu menjadi warganegara Malaysia dengan kuatkuasa undang-undang. Bayi-bayi yang dilahirkan di negeri ini mempunyai tuntutan sebagai warganegara Malaysia dengan cara kuatkuasa undang-undang hanya jika salah seorang daripada ibubapa bayi itu sendiri adalah seorang warganegara Malaysia ataupun penduduk tetap negeri ini dan bukan ibubapa kepada ibu bayi itu.

LAPANGAN TERBANG SANDAKAN

6. Tuan Haji Ampong bin Haji Puyon minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) mengapa pembinaan Lapangan Terbang Sandakan dalam tempoh Rancangan Malaysia yang Kedua telah menemui kegagalan;
- (b) sama ada beliau boleh memberi jaminan bahawa lapangan terbang tersebut dapat disiapkan mengikut jadual dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar pelaksanaan projek pembinaan Lapangan Terbang Sandakan dalam Rancangan Malaysia Kedua menemui kegagalan. Bagi makluman Yang Berhormat, perkara yang sama juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam perbincangan Anggaran Perbelanjaan, 1979 dan sebagaimana yang telah dijelaskan pada 7hb November, 1978 ketika menjawab perkara-perkara berbangkit perbincangan tersebut bahawa objektif pembinaan Lapangan Terbang Sandakan dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah untuk mendapatkan tanah yang diperlukan bagi membina landasan taxiway apron dan bangunan terminal baharu dan juga memperbaiki struktur yang ada. Seperti yang dirangkaikan sejumlah \$527,595 telah digunakan untuk memperbaiki landasan yang terdapat sekarang untuk membolehkan ia menerima kapal terbang F. 27. Oleh kerana semua rancangan-rancangan ini telah dijalankan sepenuhnya semasa Rancangan Malaysia Kedua, jadi tiada terdapat apa-apa kegagalan dari segi pelaksanaannya.

(a) Sebuah Firma Perunding Kejuruteraan telah dilantik untuk membuat reka bentuk lengkap kompleks terminal, landasan taxi, apron dan kemudahan-kemudahan yang berkenaan. Perunding-perunding telah mula membuat reka bentuk lengkap projek berkenaan pada 15hb September, 1978 dan saya ingin memberi tahu Yang Berhormat bahawa projek Lapanganterbang ini dijangka siap pada awal Rancangan Malaysia Keempat. Sementara itu sejumlah \$1.3 juta telah diperuntukkan bagi proses resurfacing landasan yang ada sekarang untuk membolehkannya digunakan sehingga landasan baharu siap untuk digunakan pada tahun 1982. Stockpiling kepada bahan-bahan bagi meratakan semula landasan sekarang sedang dijalankan.

KELENGKAPAN SEKOLAH-SEKOLAH LUAR BANDAR

7. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar tentang kekurangan kelengkapan pelajaran, guru-guru dan bangunan di sekolah-sekolah luar bandar jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah di bandar-bandar.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa sedar mengenai kekurangan kelengkapan pelajaran di sekolah-sekolah di luar bandar, terutama sekali pada tahun-tahun yang telah lalu. Beberapa langkah yang positif untuk mengatasi kekurangan tersebut telah dan sedang dibuat, seperti menambahkan kadar per capita grants, memberi keutamaan dalam menempatkan guru-guru berkelayakan dan terlatih serta melipat-gandakan rancangan-rancangan pembangunan bagi sekolah-sekolah di kawasan luar bandar.

Langkah-langkah ini telah memperbaiki keadaan tersebut dalam kebanyakan sekolah-sekolah di kawasan luar bandar.

PELAJARAN MURID-MURID SEKOLAH PAGI

8. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa murid-murid yang belajar di sekolah-sekolah sebelah pagi adalah lebih mudah menerima

pelajaran dan otaknya lebih segar dan cergas jika dibandingkan dengan murid-murid yang belajar di sebelah petang dan jika ya, tidakkah beliau berhasrat untuk mengatasi perkara ini, terutama bagi sekolah-sekolah yang bilik darjahnya sudah pun penuh dan tidak mencukupi untuk memenuhi kelas pagi dan petang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Jawapan untuk soalan yang sama juga telah diberi tatkala menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok pada 5-12-1978.

KELINIK PERGIGIAN SEKOLAH DI BACHOK

9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa klinik pergigian sekolah di Negeri Kelantan jauh daripada mencukupi; terutama sekali di daerah-daerah Bachok. Bilakah Kerajaan akan menambahnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Nyatakan klinik pergigian sekolah dalam daerah itu yang sudah ada sekarang.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa adalah menjadi matlamat Perkhidmatan Pergigian di Kementerian saya untuk memberikan rawatan pergigian sama ada "curative" atau "preventive" kepada semua kanak-kanak sekolah seberapa yang boleh. Untuk mencapai ke matlamat tersebut, Perkhidmatan Pergigian Kementerian saya memberikan rawatan-rawatan kepada kanak-kanak sekolah melalui berbagai-bagai klinik-klinik yang telah didirikan seperti Klinik-klinik dan Pusat-pusat Pergigian, ataupun di Pusat-pusat Kesihatan Luar Bandar ataupun Klinik Pergigian yang didirikan dalam Sekolah. Di samping memberikan rawatan di Klinik-klinik yang static, Perkhidmatan Pergigian juga memberikan perkhidmatan melalui klinik bergerak seperti Klinik Pergigian Bergerak ataupun pasukan Pergigian Bergerak yang pergi ke sekolah-sekolah memberikan rawatan. Dengan ini, kanak-kanak sekolah adalah kumpulan yang diberi keutamaan mendapatkan rawatan dan rawatan yang diberikan itu tidaklah terhad dari klinik-klinik tertentu seperti klinik pergigian sekolah sahaja, malahan dari semua jenis klinik pergigian.

Dari penerangan yang saya sebut di atas tadi maka soal yang mengatakan kelinik-kelinik pergigian sekolah di negeri Kelantan; lebih-lebih lagi di daerah Bachok, jauh daripada mencukupi, adalah saya rasa kurang tepat. Ini dapat dibuktikan dari angka-angka perbandingan di antara kelinik di Kelantan, termasuk Bachok dan juga jumlah kelinik di seluruh Semenanjung Malaysia seperti berikut.

Jumlah bilangan kelinik-kelinik pergigian di Semenanjung Malaysia adalah 770 lengkap dengan 1,206 buah kerusi. 76 buah kelinik atau 9.9% terletak di negeri Kelantan dengan sejumlah 100 buah kerusi atau 8.3%. 3 buah kelinik atau 4% terletak di daerah Bachok.

Jumlah bilangan kelinik-kelinik pergigian sekolah dan pusat-pusat pergigian sekolah di Semenanjung Malaysia ialah 288 dan 33 darinya ditempatkan di negeri Kelantan iaitu 11.5% dan 3 dari kelinik ini atau 9.1% adalah di daerah Bachok.

Sejumlah 17 buah kelinik pergigian bergerak memberi rawatan kepada murid-murid sekolah di Semenanjung Malaysia dan 2 buah kelinik-kelinik pergigian bergerak atau 11.8% di negeri Kelantan.

14 buah sekolah di daerah Bachok dengan bilangan murid 7,876 sedang mendapat rawatan dari berbagai jenis kelinik di daerah tersebut pada masa ini. Di samping itu sebuah pasukan pergigian bergerak yang telah ditubuhkan di daerah Bachok sedang dan akan terus memberi rawatan kepada banyak lagi sekolah-sekolah kecil.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, 74 buah kelinik pergigian sekolah yang baru telah diluluskan. 10 buah kelinik atau 13.5% adalah di negeri Kelantan. 2 kelinik atau 20% dari ini di dalam daerah Bachok. 5 buah sekolah yang lain akan dilengkapkan dengan kelinik pergigian melalui belanja mengurus di negeri Kelantan.

22 pasukan pergigian bergerak telah diluluskan untuk Semenanjung Malaysia dan 2 ataupun 9.1% sedang berkhidmat di negeri Kelantan. Dalam Mid-Term Review, 19 pasukan lagi akan diadakan termasuk 2 atau 10.5% untuk negeri Kelantan. Perkhidmatan pasukan-pasukan ini tidak terhad oleh satu-satu sempadan daerah, tetapi ia akan meliputi semua daerah termasuk daerah Bachok.

12 buah pusat pergigian sekolah telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga di Semenanjung Malaysia termasuk 4 atau 33.3% untuk negeri Kelantan.

7 buah kelinik pergigian besar dan kelinik pergigian hospital yang baru akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketiga termasuk sebuah kelinik pergigian hospital atau 14.3% di negeri Kelantan.

Kelinik-kelinik pergigian sekolah yang dibina dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah seperti berikut:

- (1) Sekolah Rendah Kebangsaan Bachok;
- (2) Sekolah Rendah Kebangsaan Jelawat, Bachok.

Kelinik-kelinik pergigian sekolah lain yang sedia ada ialah di Sekolah Menengah Pa' Badol Bachok.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (7hb Disember, 1978)

Tuan Yang di-Pertua: Perbahasan di-sambung semula. Ahli Yang Berhormat dari Mantin.

4.24 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan, (Pindaan) 1978.

Sukacita saya perhatikan bahawa di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut, adalah terdapat bilangan Senator telahpun ditambah dari 58 seperti yang sedia ada kepada 68 Senator, iaitu 2 orang Senator dari Wilayah Persekutuan dan 8 orang lagi Senator dilantik kelak oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sejak bilangan Ahli Dewan Rakyat ditambah dengan 5 orang Ahli Dewan Rakyat lagi dari Wilayah Persekutuan pada tahun

1974, orang ramai telah menunggu selama ini supaya perwakilan dari Wilayah Persekutuan dapat juga diwakili di dalam Senate. Kita semua bersukacita semua ini telah terjadi. Walaupun Wilayah Persekutuan tidak mempunyai Dewan Negerinya yang tersendiri, adalah adil dan wajar bahawa 2 orang Ahli Senator dapat dilantik bagi memelihara kepentingan penghuni-penghuni di dalam Wilayah Persekutuan.

Juga diperhatikan bahawa jangka masa perkhidmatan bagi Ahli-ahli Senator selepas Akta ini akan menjadi 3 tahun dan bukan 6 tahun seperti dahulu. Ini adalah suatu perkara baik disebabkan seorang Ahli Senator setelah dilantik selama 6 tahun di dalam Dewan Negara dia akan tetap menjadi Ahli Senator dengan tidak mempedulikan sama ada dia betul-betul bergiat atau tidak oleh kerana tidak ada peruntukan Perlembagaan bagi merawati dan menjaganya.

Juga seorang Ahli Senator tidaklah dipertanggungjawabkan kepada pengundi-pengundi atau menghadapi kerja kempen pilihanraya. Jadi jangka masa perkhidmatan 3 tahun sahaja akan menjadi seorang Ahli Senator lebih bergiat menjaga nama baiknya dengan harapan ia dapat dilantik atau dipilih semula. Kita percaya dan berharap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan juga melantik tokoh-tokoh yang berkematangan politik lagi kanan di dalam Dewan Negara.

Dalam pada ini saya ingin merujuk kepada Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa seseorang akan menjadi tidak layak dan sah mengambil jawatan di dalam kedua-dua Dewan Rakyat dan Negara jikalau ia memegang jawatan yang beruntung (office of profit). Ini bererti upahan sepenuh masa di dalam perkhidmatan awam. Sejak terbentuknya Jawatankuasa Kabinet berkenaan dengan gaji dan disertai dengan perkembangan-perkembangan baru di dalam perkhidmatan awam, rangkaikata "perkhidmatan awam" telah menjadi kabur dan mengelirukan. Adakah ahli-ahli dari Badan-badan Berkanun, Universiti-universiti dan kakitangan Majlis Tempatan dibenarkan menjadi calon-calon pilihanraya atau dilantik menjadi Ahli-ahli Senate? Kita percaya dan berharap rangkaikata "jawatan

yang beruntung" (office of profit) dapat sekarang juga ditafsirkan semula untuk menjelaskan keraguan ini di dalam perkembangan baru Jawatankuasa Gaji Kabinet.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Definasi "perkhidmatan awam" adalah diberi di dalam Perkara 132, Perlembagaan Persekutuan tetapi rangkaikata ini telah diberi makna yang lebih luas di dalam Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet. Penjelasan adalah mustahak disebabkan walaupun Dewan ini adalah berkuasa untuk menentukan soal tidak berlayak, ia akan menjadi serba salah bagi seorang Ahli yang dilantik ke dalam Senate atau calon yang menang untuk Dewan Rakyat. Ini kerana ia melibatkan wang, masa dan juga risk. Saya berpendapat bahawa rangkaikata office of profit patut dikaji semula.

Saya menyentuh kepada Fasal 3 bertujuan meminda Fasal 2 Perkara 135 untuk menghapuskan apa-apa keraguan tentang hak-hak seorang anggota perkhidmatan awam yang perkhidmatannya telah ditamatkan kerana kepentingan awam. Di bawah Perlembagaan, seorang anggota perkhidmatan awam boleh dibuang kerja ataupun diturunkan pangkat atau diberhentikan perkhidmatan di dalam berbagai-bagai keadaan tertentu. Perkara 135 memperuntukkan bahawa seorang kakitangan perkhidmatan awam sebelum dibuang kerja atau diturunkan pangkatnya yang terlibat mempunyai hak atau peluangnya diperdengarkan alasan-alasannya. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976 ditambah suatu syarat kepada Perkara 135 Fasal 2 yang telah mewujudkan empat pengecualian kepada peraturan tersebut, iaitu memerlukan seseorang diberi peluang untuk dihuraikan alasan-alasannya. Tetapi di kebelakangan hari ini terdapat satu atau dua kes di hadapan mahkamah-mahkamah di mana perberhentian perkhidmatan seseorang kakitangan perkhidmatan awam telah ditegakkan sebagai pembuangan kerja dan dengan ini terjatuh ke dalam lingkungan rukun natural justice bermakna hak untuk didengar.

Ini telah membangkitkan tanggungan kepada Kerajaan disebabkan ia tidak dapat meneruskan secara cergas dengan kakitangan Kerajaan atau bertindak disiplin ke atas

mereka jikalau kakitangan Kerajaan berkenaan sengaja melambat-lambatkan kerja-kerja mereka dengan tujuan menggalakkan orang ramai memilih jalan memberi suap untuk mendapatkan pengesahan pelan atau lain-lain dengan lebih cepat ataupun kakitangan Kerajaan yang tidak berefficient atau mengambil sikap tidak peduli oleh kerana mereka akan bersara di dalam beberapa tahun lagi menjadikan urusan kerja terhimpun dan tertangguh. Pindaan Perlembagaan yang ada di depan kita adalah bertujuan untuk mengubati segala-gala penyakit seperti yang tersebut di atas.

Di bawah Perkara 132 anggota-anggota perkhidmatan awam memegang jawatan di sepanjang kesukaan hati (*during the pleasure of*) Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Jaminan perkhidmatan (*security of service*) yang dinikmati oleh seseorang anggota perkhidmatan awam adalah dilindungi di bawah Perkara 135 yang menyatakan di antara lain bahawa tiada pun seorang anggota perkhidmatan awam shall be dismissed or reduced in rank without being given a reasonable opportunity of being heard. Akan tetapi ini telah membangkitkan kepada suatu keadaan di mana Kerajaan tidak berdaya memberhentikan perkhidmatan setengah pekerja-pekerja Kerajaan seperti yang disebutkan di bawah di mana seorang pekerja Kerajaan adalah tidak berdisiplin, di mana seorang pekerja Kerajaan dapat menangguhkan atau melambatkan urusan-urusannya dengan cara yang tidak begitu terbuka di mana ia dengan sengaja salah letak atau menyorok fail-fail supaya tindakan tidak dapat diambil ke atasnya.

Dikebanyakan kes-kes ini Kerajaan tidak dapat mengambil tindakan disiplin memberhentikan perkhidmatan mereka berkenaan kecuali terdapat bukti-bukti yang cukup jelas disebabkan jikalau perkhidmatan seseorang pekerja Kerajaan diberhentikan, dia boleh mengambil tindakan mahkamah seperti yang telah terjadi baru-baru ini di mana mahkamah telah menghukum bahawa pemberhentian perkhidmatan oleh Kerajaan adalah dikira buang kerja dan dengan itu telah terjatuh di dalam lingkungan rukun natural justice dan dengan ini terpaksa dilantiknya semula walaupun ia tidak dipandang sesuai bagi jawatannya. Ini adalah satu kedudukan yang tidak memuaskan dari

segi Kerajaan, kerana Kerajaan sekarang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjanji akan mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, berkesan dan berorientasi tindakan dan juga sebuah Kerajaan yang akan memenuhi aspirasi rakyat jelata kita.

Untuk tujuan ini, kita mesti memerlukan pegawai-pegawai Kerajaan yang benar-benar berdedikasi, berkesan dan berorientasi tindakan. Di dalam proses mempercepatkan efficiency atau kesannya serta sebuah Kerajaan yang bebas dari rasuah, Kerajaan mesti mempunyai kebebasan supaya menyara atau menamatkan kakitangan-kakitangannya iaitu mereka yang sengaja melambatkan atau melewatkan proses ini. Kami telah selalu mendengar di Dewan ini iaitu banyak komplek-komplek berhubung dengan kelewatan atau kelambatan dalam berbagai pejabat-pejabat Kerajaan dan sebagaimana yang tiap-tiap orang sedar kelewatan melahirkan rasuah. Sekiranya kami ingin mengadakan sebuah Kerajaan yang benar-benar berdedikasi dalam perkhidmatannya, kami mesti mempunyai pegawai-pegawai yang bersih dan semangat berdedikasi dan dengan terangnya kami tidak mampu mencapai tujuan ini sekiranya pegawai-pegawai Kerajaan percaya bahawa mereka tidak akan ditamatkan atau dibuangkan kerjanya oleh sebab kemalasan, sikap tidak apa dan kurang berdisiplin.

Kami berasa kesal bahawa hak untuk mendengar, yang penting ini sekarang dikurangkan oleh pindaan ini. Walau bagaimanapun, kami berharap bahawa kuasa hukuman dan keputusan yang diberi bahawa pindaan ini tidak akan disalahgunakan dan tidak akan selalu digunakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu dan bahawa ianya hanya digunakan dalam kes-kes yang terbukti dan selepas siasatan-siasatan yang terlalu teliti dan menyeluruh.

Akhirnya saya ingin menyatakan bahawa prinsip yang mustahak adalah seseorang pegawai Kerajaan yang memegang kerjanya ialah atas suka hati atau at the pleasure of Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dan hak-haknya tidak boleh dirampas selain daripada undang-undang. Walau bagaimanapun juga mustahaknya diingati bahawa adalah perlu bagi kepentingan awam Kerajaan itu tidak patut diganggu atau dihalang menamatkan

atau membuang seorang pegawai sekiranya sikap dan kelakuan dalam kerjanya dianggap secara menjejaskan kepada kepentingan negara dan juga kepada imej Kerajaan yang baik dan sebenarnya keterusannya memegang jawatan itu akan melahirkan merbahaya kepada masyarakat dan negara kita dengan keseluruhannya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Baling.

4.00 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menegaskan lagi apa yang telah diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar iaitu cadangan untuk meminda Perkara 45 Perlembagaan untuk menambahkan Ahli Dewan Negara kepada 40 orang adalah tidak sah kerana tidak mengikut peraturan dan tidak menghormati Perlembagaan, melainkan setelah Dewan ini membuat pindaan ke atas Fasal 4 (c) dalam perkara yang sama.

Dalam Fasal 4 (c) jelas menunjukkan bahawa Parlimen boleh dengan undang-undang mengurangkan bilangan Ahli-ahli yang dilantik atau menghapuskan Ahli-ahli yang dilantik. Dalam Fasal ini tidak disebutkan menambah. Jika kita hendak menambah Ahli-ahli Dewan Negara seperti yang dikehendaki daripada Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam. Kita hendaklah terlebih dahulu meminda Fasal 4 (c) itu menjadi seperti berikut iaitu: "Mengurangkan bilangan Ahli-ahli yang dilantik atau menghapuskan Ahli-ahli yang dilantik atau menambahkan Ahli-ahli yang dilantik". Apabila wakil daripada Kota Setar mengemukakan perkara ini semalam wakil-wakil daripada Balik Pulau dan Kulim-Bandar Bahru berkata bahawa Parlimen sebagai Badan Perundangan yang tertinggi negara mempunyai kuasa mutlak untuk membuat sebarang pindaan. Memang benar bahawa Parlimen boleh membuat pindaan dan wakil dari Alor Star juga tidak menafikan hakikat ini. Tetapi adakah boleh Parlimen membuat suatu pindaan Perlembagaan dengan sewenang-wenang tanpa mengikut peraturan dan tanpa menghormati perkara-perkara di dalam Perlembagaan itu yang masih dikuatkuasakan.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Star dengan jelas menekankan bahawa Parlimen boleh menambahkan Ahli Dewan Negara hanya apabila Fasal 4 (c) dipinda terlebih dahulu supaya tidak berlaku kontradiksi di antara cadangan menambah yang termuat dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan semalam, dengan Fasal 4 (c) yang tidak memberi kuasa menambah. Jika sekiranya kita berkeras pada hari ini untuk menerima pindaan yang dicadangkan supaya Ahli-ahli Dewan Negara ditambah, ia akan menimbulkan dua implikasi yang buruk yang menyentuh kewibawaan Dewan ini dan Ahli-ahlinya.

Pertama, ia tidak menghormati kehendak Fasal 4 (c) yang masih dikuatkuasakan. Ini bermakna bahawa Dewan ini tidak menghormati peruntukan undang-undang yang dibuatnya sendiri dan ini menjatuhkan maruah Dewan ini yang membuat suatu pindaan tanpa berhati-hati pada hal Dewan ini juga yang meluluskan prinsip Rukunegara yang di antaranya ialah menghormati kedaulatan undang-undang. Bagaimanakah boleh dikatakan Dewan ini menghormati undang-undang yang dibuatnya sendiri pada hal ia melanggar peruntukan yang masih dikuatkuasakan iaitu meluluskan Rang Undang-undang, menambahkan bilangan Ahli-ahli Dewan Negara, padahal Fasal 4 (c) tidak memberikan kuasa kepadanya untuk berbuat demikian, dan Fasal 4 (c) itu tidak pula dipinda terlebih dahulu.

Kedua, dengan lulusnya pindaan ini padahal Fasal 4 (c) itu belum lagi dipinda, akan memberi makna bahawa Dewan ini menciptakan satu kaedah perundangan baru yang membenarkan adanya perlonggaran terhadap Fasal-fasal yang masih dikuatkuasakan dalam membuat suatu pindaan di dalam mana-mana bahagian undang-undang. Dengan terciptanya kaedah ini iaitu satu kaedah yang sumbang, pindaan terhadap undang-undang atau Perlembagaan tidak lagi memberi sumbangan ke arah melengkapkan Perlembagaan atau undang-undang itu, tetapi menjadikannya lebih kacau lagi kerana nantinya Perlembagaan itu akan terdapat percanggahan antara Fasal-falsalnya dan ini merosakkan kaedah perjalanan undang-undang. Dengan sebab itu saya merayu kepada Dewan ini supaya melihat dengan teliti sebelum pindaan yang dicadangkan mengenai Perkara 45 Perlembagaan ini diluluskan. Bagi saya menambahkan atau

mengurangkan Ahli-ahli Dewan Negara tidak menjadi persoalan pokok lagi, tetapi caranya pindaan ini dikemukakan adalah mempunyai implikasi yang buruk kepada undang-undang dan kehormatan Dewan ini sebagai badan tertinggi perundangan negara buat masa ini. Perkara ini sebenarnya bukanlah boleh dibahaskan dengan sentimen melulu seperti yang kita dengar daripada ucapan penyokong-penyokong Kerajaan semalam yang bangun menyokong semata-mata hendak menyokong tanpa mengetahui akibat-akibat di sebalik langkah kelulusan Rang Undang-undang (Pindaan) Perkara 45 Perlembagaan ini. Padahal Fasal 4 (c) dalam perkara yang sama itu belum lagi dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga akan membuat ulasan mengenai Fasal 3 dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan mengenai penamatan perkhidmatan untuk kepentingan awam. Saya menyokong penuh usaha-usaha dan tindakan untuk menghukum pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam yang curang, yang menyeleweng ataupun yang cuai, tetapi tindakan ke atas mereka hendaklah dilakukan berdasarkan kepada prinsip-prinsip keadilan kerana walaupun seorang itu melakukan kesalahan, tetapi adalah haknya untuk menerima keadilan dan hukuman yang dikenakan ke atasnya adalah kerana keadilan dan bukan kerana kezaliman. Dalam pindaan yang dicadangkan ini terdapat beberapa perkara yang berlawanan dengan prinsip-prinsip keadilan itu.

Pertama, di dalam kes yang disebutkan oleh Perdana Menteri semalam iaitu seorang pegawai awam yang di dalam waktu yang singkat telah dapat mengumpulkan kekayaan yang melebihi daripada sepatutnya yang tidak syak lagi dari gejala-gejala tersebut pegawai itu telah memperolehi kekayaan menerusi cara-cara yang curang. Tetapi di dalam sistem perundangan yang berjalan sekarang gejala-gejala itu tidak dapat dijadikan bukti bahawa pegawai tersebut melakukan rasuah. Bagi mengatasi keadaan ini Rang Undang-undang yang dikemukakan memberi kuasa kepada Kerajaan untuk menamatkan perkhidmatan pegawai tersebut untuk kepentingan awam yang tidak memberi makna membuang kerja dan pegawai tersebut berhak mendapat pencen dan sebagainya dan di dalam masa yang sama hak untuk didengar dinafikan.

Peruntukan yang diberi oleh pindaan ini sebenarnya mengandungi dua bentuk kezaliman.

Pertama, pada hakikatnya keadaan menunjukkan bahawa pegawai itu telah melakukan kecurangan hanya hukuman tidak dapat dijalankan kerana halangan sistem perundangan yang berjalan sekarang. Kezaliman berlaku apabila wang rakyat digunakan untuk membayar pencen orang yang sudah jelas melakukan kecurangan. Kerajaan mengambil langkah mudah sahaja iaitu meminda Perlembagaan supaya tindakan boleh diambil sesuai dengan sistem perundangan yang ada, yang boleh menamatkan perkhidmatan pegawai tersebut tetapi ia diberi ganjaran pencen daripada wang rakyat. Apakah rakyat rela wang mereka dibelanjakan untuk menyara terus pegawai-pegawai yang menyeleweng ini? Mengapa Kerajaan tidak mengambil langkah meminda sistem perundangan yang tidak berupaya merangkumi keadaan-keadaan yang menunjukkan kecurangan itu sebagai bukti. Saya mencadangkan kepada Kerajaan untuk mengelak kezaliman kepada orang ramai dengan membelanjakan wang mereka untuk menyara orang-orang yang curang supaya melaksanakan sistem perundangan Islam dalam mengatasi rasuah yang disebut dengan izin, sebagai "min aina laka hatha." Dalam sistem ini pegawai yang berada dalam keadaan yang menunjukkan ia berlaku curang boleh diminta mengemukakan bukti-bukti bahawa kekayaan yang dikumpulkannya itu bukan melalui kecurangan. Jadi tugas pembuktian di dalam kes rasuah bukan sahaja kepada yang menuduh tetapi juga kepada yang dituduh. Ini tidak bermakna menukar prinsip perundangan kepada prinsip yang diamalkan di negeri Perancis iaitu seorang yang dituduh itu bersalah melainkan setelah ia membuktikan bahawa ia tidak bersalah, bahkan pelaksanaan Undang-undang Islam itu mengenai rasuah ini tidak lari daripada prinsip seorang yang dituduh tidak bersalah sehingga kesalahannya disabitkan, hanya dengan pelaksanaan Undang-undang Islam itu diluaskan tugas kebuktiannya itu kepada yang dituduh bukan sahaja kepada yang menuduh demi untuk menjaga kepentingan awam dan kepentingan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kezaliman yang kedua yang terdapat daripada pindaan yang dicadangkan ialah apabila hak didengar itu ditarik daripada pegawai-pegawai yang ditamatkan perkhidmatan untuk kepentingan awam. Di dalam kes-kes di mana seorang pegawai itu ditamatkan perkhidmatan untuk kepentingan awam disebabkan oleh tiada minat, kecuaiian dan sebagainya.

Di dalam Bab "D", Perintah Am mengenai tata tertib pegawai masih ada ruang-ruang di dalam Bab itu yang tertakluk kepada berbagai-bagai pentafsiran. Dengan pindaan ini seorang pegawai itu tidak diberi hak untuk didengar terutamanya di dalam menentukan benarkah ia melakukan kecuaiian seperti yang ditafsirkan oleh pihak-pihak yang diberi kuasa. Di sinilah terletaknya kezaliman apabila "the right to be heard" itu diketepikan untuk memberi kuasa kepada Kerajaan bertindak ke atas pegawai-pegawai awam dengan lebih mudah lagi.

Saya berpendapat demi untuk keadilan "the right to be heard" itu mestilah diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan, pegawai-pegawai awam yang dituduh melakukan kecurangan-kecurangan dan kecuaiian sebelum hukuman-hukuman diambil.

Saya juga akan membuat ulasan mengenai Fasal 5 dalam Rang Undang-undang ini, seksyen-kecil (b) iaitu perkataan "tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam, dsb.". Inilah kali pertama saya melihat bahawa satu ayat dalam Undang-undang yang tidak mungkin diberi satu definasi yang tertentu dan kita tahu bahawa di dalam undang-undang definasi terhadap satu perkataan itu adalah penting. Perkataan "dsb" ini adalah satu perkataan yang tidak terhad sama sekali dan tidak mungkin boleh diberikan satu definasi dan apabila satu definasi itu tidak boleh diberikan maka ia memberikan kuasa yang besar, memberikan satu bidang yang terlalu luas, untuk Kerajaan mentafsirkan apakah yang dikatakan "ketenteraman awam" itu dan ini saya rasa satu perkara yang terlalu pelik dalam perundangan ini kerana tidak boleh diberikan satu definasi, satu rangkaian ayat "dsb" yang tidak boleh diberi satu definasi yang tetap dan ini akan membawa akibat yang sangat besar, iaitu seolah-olahnya kuasa yang dimiliki oleh Kerajaan tidak lagi dapat dikawal dengan Undang-undang.

Memanglah Kerajaan boleh menjawab bahawa Kerajaan memberi jaminan bahawa ia tidak akan bertindak sewenang-wenang, tetapi kalau sekiranya jaminan yang diperlukan tidaklah perlu kita bincangkan perkara ini dalam Parlimen, jaminan itu boleh dibuat hanya menerusi kenyataan-kenyataan akhbar sahaja, kerana yang kita mahu ialah satu Undang-undang yang mengawal dan memberi panduan serta mengawal kuasa dan juga orang ramai. Inilah yang kita kehendaki bahawa tujuan satu Undang-undang itu bukan hanya memberi punishment tetapi juga adalah memberi panduan. Dengan sebab itulah perkataan-perkataan yang luas seperti ini yang tidak mungkin diberikan definasi haruslah diketepikan dalam Undang-undang malahan mestilah memilih perkataan-perkataan yang boleh menentukan yang boleh memberi panduan kepada orang ramai apakah yang dikatakan "memudaratkan ketenteraman awam" ataupun tidak supaya memberi petunjuk (guidance), memberi panduan, kepada orang ramai iaitu apabila dalam lingkungan ini ianya tidak boleh melakukannya kerana ia termasuk dalam perkara yang memberi mudarat kepada ketenteraman awam. Jadi saya tidak dapat menerima kelonggaran-kelonggaran yang diberikan ini dan juga perkataan-perkataan yang tidak ditentukan maksud-maksudnya yang sebenar dalam Undang-undang, kerana ia tidak dapat memberi satu panduan kepada orang ramai dan tidak pula membatasi ataupun menghadkan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Kerajaan untuk membuat satu tindakan.

Walau bagaimanapun, saya menyokong Kerajaan dalam usaha-usahanya untuk menghapuskan subversif dan juga untuk menghapuskan kegiatan dadah ini tetapi saya tidak terima bahawa dengan Undang-undang yang dikemukakan ini yang terlalu longgar yang membolehkan Kerajaan bertindak sewenang-wenangnya kerana ia tidak lagi dikawal oleh suatu Undang-undang yang benar-benar merupakan Undang-undang. Dengan sebab itulah maka saya harap bahawa Dewan ini akan dapat meneliti perkara ini, bukan dengan sentimen-sentimen, bukan kerana saya daripada Pembangkang maka akan menuduh bahawa nantinya hanya semata-mata untuk membangkang; dan saya tidak akan dapat menjadi Pembangkang yang efektif kalau sekiranya perkara-perkara yang penting seperti ini dibincangkan hanya

secara emotional dan kerana kepentingan politik dan kepentingan hanya hendak berkata-kata sahaja walaupun tidak ada substance yang boleh memandu negara ke arah yang lebih sempurna dan lebih baik seperti mana yang kita kehendaki.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tumpat.

4.54 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengamalkan prinsip Demokrasi Berparlimen dan Parlimenlah yang mempunyai kuasa yang tertinggi di dalam negara ini di mana Undang-undang diluluskan. Walaupun begitu, kita mengakui lunas-lunas demokrasi iaitu sesuatu pindaan kepada Perlembagaan berkehendak kelulusan 2/3 di dalam Parlimen barulah pindaan itu boleh diluluskan. Namun begitu, kita menjunjung tinggi hasrat Kerajaan untuk menyemak mana-mana perbekalan atau peruntukan Perlembagaan yang perlu dikaji dan disemak untuk dipinda. Ini terbukti bahawa apabila sesuatu peruntukan itu tidak mencukupi kuasanya maka pindaan atas kuasa itu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 135 Perlembagaan adalah jelas mengenai sekatan pembuangan kerja dan penurunan pangkat oleh kerana terdapat beberapa kelonggaran syarat-syarat di atas peruntukan perbekalan ini maka timbullah perkara-perkara yang menyulitkan bagi pihak Kerajaan bertindak berdasarkan kepada peruntukan ini dengan mana sekiranya tak ada bukti-bukti yang cukup walaupun kesalahan itu terbukti maka pembuangan kerja atau penamatan perkhidmatan tidak dapat dilakukan.

Dalam keadaan sekarang di mana seseorang yang terlibat itu dengan mudah sahaja boleh mengambil peguam-peguam untuk membela dirinya. Jelaslah kepada kita bahawa melalui pengalaman-pengalaman yang lepas adalah sukar tindakan yang wajar itu dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Dalam keadaan ini pihak kakitangan cukup dengan peguam-peguamnya, ini bermakna bahawa satu tindakan yang dilakukan walaupun tindakannya bertentangan dengan kehendak negara namun mereka berani juga melakukannya. Tindakan Perusahaan atau Tindakan Mogok apabila sesuatu rundingan itu gagal maka

senjata yang paling akhir sekali baginya melakukan ialah bekerja secara perlahan-lahan walaupun kita tahu ia boleh menjejaskan perjalanan dan pentadbiran jentera Kerajaan, namun dari segi semangat bekerja ini boleh melemahkan dan melumpuhkan pentadbiran negara. Sekiranya terdapat elemen-elemen seperti ini maka penyiasatan yang lanjut secara teliti hendaklah dilakukan dengan seriusnya.

Saya ingin mengesyorkan bahawa sekiranya terdapat sesuatu jentera Kerajaan ini tidak berjalan dengan betul, maka adalah menjadi tugas pihak-pihak yang berkenaan menyiasat akan hakikat yang sebenarnya. Apa yang saya maksud ialah siasatan-siasatan itu tidaklah semestinya tertumpu kepada Ketua-ketua Jabatan masing-masing sahaja, sebaliknya siasatan-siasatan yang menyeluruh daripada tiap-tiap bahagian yang berkenaan hendaklah dilakukan. Apabila ini telah dapat dikuatkuasakan, saya percaya tindakan yang diambil adalah adil ke atas pegawai-pegawai yang berkenaan dan kita tidak hendak berlaku penganiayaan tanpa dibuat siasatan yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan Perkara 135 (2) Perlembagaan mengenai kepentingan umum, adalah didapati bahawa aduan orang ramai tentang kecuaihan dan kelambatan kakitangan adalah nyata. Kecuaihan dan kelambatan boleh diibaratkan sebagai tidak cekap atau tidak efficient. Oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan yang berjiwa rakyat yang berkehendakkan perkhidmatan pegawai-pegawai umumnya yang cekap, dedikasi dan berdisiplin maka saya rasa telah sampai masanya bagi Kerajaan mengkaji semula kedudukan pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam, terutama di tempat-tempat penting seperti Jabatan Kastam, Pejabat Tanah, Jabatan Cetak Kerajaan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Angkatan Tentera, Polis, Ajensi-ajensi Kerajaan seperti FELDA, SEDC, FIDA dan sebagainya supaya tempat tumpuan orang ramai ini dapat memberi perhatian yang khusus, kajian yang menyeluruh boleh dibuat oleh Yunit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia atau lebih terkenal dengan nama MAMPU di Jabatan Perdana Menteri yang sekarang ini

menjalankan tugasnya di seluruh Kementerian-kementerian yang berkenaan untuk memastikan sama ada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan yang berkenaan mencukupi atau tidak.

Satu perkara yang nyata ialah bagaimana satu surat biasa yang memakan masa satu hingga dua bulan tidak dapat dijawab oleh Jabatan yang berkenaan, adalah satu perkara yang tidak menasabah. Aduan orang ramai seperti ini hendaklah disiasat dan tindakan yang keras hendaklah diambil di dalam menjalankan kuatkuasa peruntukan menamatkan kerja dari segi kakitangan awam. Maka adalah menjadi harapan saya supaya mereka yang berkenaan dibersarakan atas kepentingan perkhidmatan. Pengumuman ini hendaklah disebarkan melalui massmedia Kerajaan supaya dapat memberi pengajaran kepada pegawai-pegawai lain. Terbukti kepada kita bagaimana tindakan yang dilakukan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan untuk membersihkan pegawai-pegawai di Jabatannya adalah mendapat sambutan dan kerjasama daripada orang ramai. Cara ini adalah lebih berkesan dari tindakan yang diambil secara senyap-senyap. Ini juga saya percaya dapat menghidupkan semangat bekerja di kalangan perkhidmatan Awam dan saya percaya imej pegawai-pegawai Kerajaan akan lebih meningkat lagi dari yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya di dalam mana kita hendak menjalankan Rang Undang-undang ini, tentulah ada tentangan-tentangan daripada pihak yang berkenaan, seperti CUEPACS ataupun Kesatuan Se-kerja. Tetapi apa yang menghairankan kita, mereka ini memperjuangkan kedudukan pegawai-pegawai Kerajaan sahaja, hendak menaikkan gaji, hendak cuti lebih dan berbagai-bagai kepentingan diri. Tetapi kita tidak pernah mendengar perbincangan akan masalah-masalah pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak menjalankan tugasnya dengan cekap dan dedikasi dan berdisiplin untuk kepentingan negara kita. Dan saya berharap kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang menjalankan pekerjaannya dengan cekap, janganlah bimbang, kerana Kerajaan tidaklah menganiayai kepada pegawai-pegawai yang jujur dan ikhlas, tetapi siapa yang makan lada, dialah yang merasa pedas. Kita tidak hendak pegawai-pegawai yang tidak

sanggup menjalankan dasar Kerajaan ini akan menghalangkan kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyen-
tuh sedikit mengenai had umur bersara yang telah dinaikkan atau dilanjutkan tempoh perkhidmatan daripada 55 tahun kepada 60 tahun. Perkara ini patutlah dikaji balik kerana memandangkan bahawa graduan-graduan kita yang keluar daripada universiti tempatan adalah tidak kurang daripada 3,000 orang setahun dan ini tidak mungkin dapat memberi pekerjaan kepada graduan ini dan kita tidak mahu disebabkan oleh beberapa orang perlu disambungkan perkhidmatannya menyebabkan prinsip undang-undang dipinda. Saya rasa kalau sekiranya terdapat beberapa kes yang tertentu yang memerlukan perkhidmatannya dilanjutkan ianya boleh dipertimbangkan untuk mereka yang berkenaan sahaja dengan tidak payah mengubah corak prinsip undang-undang. Ini adalah menjadi harapan saya supaya had umur yang dilanjutkan kepada 60 tahun ditarik balik, sebaik-baiknya saya ingin mengesyorkan had umur 50-55 tahun itu kekal sepertimana yang terkandung di dalam Ordinan Pencen dan selain daripada itu saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan bahawa pegawai-pegawai yang telah genap berkhidmat selama 25 tahun samada yang sudah berumur 50 atau 55 tahun dibolehkan ia bersara. Sekiranya mereka berkehendakkan dengan mendapat kemudahan-kemudahan pencen sepenuhnya, mereka bukan sahaja boleh berkhidmat dengan swasta atau menjalankan usahanya sendiri sebaliknya memberi peluang pekerjaan kepada bakal-bakal pekerja dan ini pada hemat saya satu daripada cara yang boleh mengurangkan problem pengangguran di kalangan pencari-pencari kerja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjalankan kuatkuasa ini, saya mengharapkan bahawa Kerajaan hendaklah bersikap tegas apabila mengambil tindakan ke atas seseorang pegawai yang didapati menyeleweng dari tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan kepadanya, saya percaya ini akan menjadi pengajaran dan tauladan kepada pegawai-pegawai yang lain dan rakyat akan memberi sokongan yang penuh kepada Kerajaan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya peruntukan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri hendak membentangkan satu usul, harap tunggu sekejap.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1978 telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1978 telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

5.06 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali Dewan yang mulia menghadapi berbagai pindaan terhadap Perlembagaan Negara kita yang ada berhubung dengan peruntukan-peruntukan mengenai keanggotaan Dewan Negara, hak anggota-anggota Perkhidmatan Awam mengenai perkara-perkara tertentu, keanggotaan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan undang-

undang menentang perbuatan-perbuatan subversif dan tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam.

Satu pindaan yang dicadangkan terhadap Fasal 135 (2) yang sebenarnya menjamin bahawa seseorang anggota Perkhidmatan Awam tidak akan dibuang kerja sewenang-wenangnya. Sebenarnya pindaan ini adalah satu usaha untuk menghapuskan jaminan ini dalam Perlembagaan.

Saya ada membaca dengan teliti ucapan dan penerangan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam apabila beliau mengemukakan Rang Undang-undang ini untuk mendapat tahu sebab-musabab pihak Kerajaan mahu meminda Fasal 135 (2) dan untuk membatalkan hak-hak asasi 500,000 anggota Perkhidmatan Awam dan kenapa dengan latarbelakang undang-undang beliau, kenapa beliau datang ke Dewan Rakyat ini untuk mendapat satu persetujuan bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan satu pindaan iaitu satu retrospective legislation yang sebenarnya satu retrospective legislation yang sangat bertentangan dengan keluhuran undang-undang atau Rule of Law.

Apabila saya baca dan meneliti hujah-hujah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai perkara hendak meminda Fasal 135 (2), saya dapat tahu bahawa hujah-hujah yang dikemukakan tidak memuaskan hati dan tidak boleh diterima langsung dan lebih serius lagi tidak ada satu alasan yang baik kenapa Kerajaan mahu retrospective legislation mengenai fasal-fasal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Artikel 135 dalam Perlembagaan berbunyi:

"135. (1) No member of any of the services mentioned in paragraphs (b) to (h) of Clause (1) of Article 132 shall be dismissed or reduced in rank by an authority subordinate to that which, at the time of the dismissal or reduction, has power to appoint a member of that service of equal rank.

(2) No member of such a service as aforesaid shall be dismissed or reduced in rank without being given a reasonable opportunity of being heard."

Dan Perkara 132 Fasal (1) (b) hingga (h) ada sebut perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan iaitu:

- (b) judicial and legal service;
- (c) general public service of the Federation;
- (d) police force;
- (e) railway service;
- (f) joint public services mentioned in Article 133;
- (g) public service of each state;
- (h) education service.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengakui bahawa pindaan yang dicadangkan ini ialah satu reaksi Kerajaan terhadap satu keputusan yang dibuat oleh Privy Council dalam kes Mahan Singh dan Government of Malaysia pada 22hb Jun, 1978.

Semasa darurat pada bulan Julai 1969 menurut Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) (No. 1) dan (No. 2) Pengarah Gerakan (Director of Operations) ketika itu Allahyarham Tun Abdul Razak telah membuat satu Peraturan Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib). Perintah Am Bab (D) ataupun Peraturan 44, Perintah Am Bab (D) untuk membolehkan Kerajaan memberhentikan perkhidmatan mana-mana pegawai tanpa mengambil langkah-langkah tata tertib.

Mahan Singh ketika itu sedang bekerja dengan Pejabat Suruhanjaya Khas Cukai Pendapatan dan juga sebagai Pendaftar Mahkamah Tengah dari tahun 1961 sehingga 1969, dan telah diberitahu pada tahun 1970 bahawa perkhidmatannya itu telah ditamatkan di bawah Peraturan 44.

Mahan Singh kemudian telah menyaman Kerajaan dengan mengatakan bahawa beliau telah dibuang kerja dalam ertikata Perkara 135 dan oleh kerana peluang yang menasabah tidak diberikan kepadanya untuk didengar, maka pembuangan kerjanya itu adalah tidak sah dan tidak berperlembagaan dan dalam Mahkamah Tinggi, Yang Arif Hakim Sharma telah memutuskan bahawa Kerajaan telah bertindak secara tidak constitutional dalam memberhentikan pekerjaan Mahan Singh itu.

Lepas itu Kerajaan telah merayu kepada Mahkamah Persekutuan dan telah berjaya dalam rayuannya. Kemudian rayuan telah

dibuat kepada Privy Council dan pada 22hb Jun, 1978, Privy Council telah mengesahkan keputusan yang telah dibuat oleh Hakim Sharma dan memutuskan bahawa Kerajaan telah bertindak tidak constitutional dalam pembuangan kerja Mahan Singh.

Saya terkejut apabila mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam di mana beliau telah berkata bahawa Privy Council telah salah mentakrifkan Perkara 135 seolah-olah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menganggap dirinya sebagai seorang super-judge, lebih tinggi daripada mahkamah rayuan yang paling tinggi dalam sistem kehakiman kita. Kata-kata beliau bahawa Privy Council telah salah takrifkan Perkara 135 itu serta juga membawa cadangan-cadangan sekarang ini untuk nullify keputusan yang dibuat oleh Privy Council dengan meminda Perkara 135 untuk dikecualikan berkuatkannya perkara 135 itu dalam pelaksanaan Peraturan 44, semuanya ini merupakan satu pukulan hebat terhadap kedaulatan undang-undang terutama sekali kata-kata itu datang dari seorang Perdana Menteri yang telah bersusah payah membina imejnya sebagai seorang yang penuh hormat kedaulatan undang-undang.

Dalam menjustifikan Peraturan 44 yang sebenarnya membenarkan Kerajaan membuang pegawai-pegawai awam tanpa memberi sebab, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa kuasa-kuasa tambahan selain daripada peruntukan-peruntukan tata tertib yang terkandung dalam Perintah Am adalah dikehendaki supaya membolehkan tindakan diambil terhadap pegawai-pegawai yang melakukan rasuah dan tidak jujur.

Sebagai satu contoh beliau telah menyebut tentang seorang pegawai yang telah mengumpulkan harta lebih \$ $\frac{1}{2}$ juta dalam masa yang singkat ataupun seorang pegawai yang lain yang telah mengumpulkan wang tunai yang banyak dalam bank di mana ini menunjukkan bahawa mereka telah melakukan rasuah tetapi ada kalanya pihak yang berkuasa tata tertib mendapati amat sukar untuk mengambil tindakan membuang kerja pegawai-pegawai yang dituduh itu.

Masalah rasuah ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam Perkhidmatan Awam adalah satu masalah yang serius dan tindakan yang tegas

hendaklah diambil untuk menghapuskan rasuah dalam semua bentuk. Malangnya pindaan yang dicadangkan terhadap Perkara 135 (2) Perlembagaan bukanlah merupakan suatu penyelesaian yang patut atau menasabah untuk mengatasi masalah Pegawai-pegawai Awam yang mengumpulkan harta atau mempunyai sumber-sumber pendapatan yang tidak seimbang dengan pendapatan mereka yang diketahui kerana pertamanya masalah Pegawai-pegawai Awam yang mengumpulkan harta atau pecuniary resources, mempunyai sumber-sumber pendapatan yang tidak seimbang dengan pendapatan mereka yang diketahui, bukanlah merupakan satu masalah yang terhad kepada Pegawai-pegawai Awam sahaja bahkan ianya juga merupakan satu masalah yang wujud di kalangan ramai pemimpin kanan politik parti pemerintah baikpun di peringkat kebangsaan ataupun di peringkat negeri.

Apakah Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Setiausaha-setiausaha Politik, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, Ahli-ahli Exco Negeri, Ahli-ahli Parlimen dan State Assemblymen yang mengumpulkan harta atau mempunyai pendapatan yang tidak seimbang dengan pendapatan mereka yang diketahui bebas daripada pendakwaan atau purges anti-rasuah.

Apakah dalam perang terhadap rasuah terdapat satu jenis undang-undang untuk Pegawai-pegawai Awam dan satu lagi undang-undang untuk Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Ketua-ketua Menteri, Menteri-menteri Besar atau Ahli-ahli Exco Negeri?

Masalah mengumpulkan harta yang tidak boleh diaccounted for dan tidak seimbang dengan pendapatan yang diketahui seseorang baikpun ianya wujud di kalangan Pegawai Awam ataupun di kalangan pemimpin politik boleh dibenteras dengan mengadakan satu pindaan yang sangat simple sahaja terhadap Akta Pencegah Rasuah tahun 1961, dengan mengadakan peruntukan-peruntukan untuk membuatkan sebagai satu kesalahan bagi mana-mana Pegawai Awam termasuk Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Ahli-ahli Exco Negeri, Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri yang telah mengumpulkan harta ataupun mempunyai sumber-sumber pendapatan yang

tidak seimbang dengan pendapatannya yang diketahui dan juga dengan memperuntukkan kuasa-kuasa kepada mahkamah untuk memerintah rampasan harta berkenaan atau merampas nilai sumber-sumber pendapatan yang diperolehi oleh orang yang kena tuduh itu?

Dalam tahun 1975 saya telah kemukakan satu usul di Parlimen ini untuk mengadakan pindaan seumpama itu tetapi usul saya itu telah ditewaskan oleh Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Sekarang nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita begitu mengambil berat tentang harta yang tidak boleh diaccounted for itu yang diperolehi oleh pegawai-pegawai awam, tetapi mengapakah beliau tidak peduli dengan harta yang dikumpulkan oleh kalangan pemimpin politik kanan di mana pengumpulan harta itu pun tidak boleh diaccounted for.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa Kerajaan memerlukan kuasa-kuasa tambahan supaya membolehkan mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang tidak jujur seperti mereka yang "mark time". Jika inilah yang berlaku, haruslah tindakan tatatertib yang normal diambil dan bukanlah tindakan yang memaksa pegawai yang terlibat itu berhenti dari perkhidmatannya tanpa hak didengar.

Juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebutkan tentang satu lagi kategori pegawai-pegawai umpamanya secara terang-terang membocorkan rahsia Kerajaan ataupun menjalankan aktiviti-aktiviti yang membahayakan keselamatan negara. Jika pegawai-pegawai awam telah benar-benar melakukan kesalahan seumpama ini dengan terang-terang, maka mereka hendaklah tertakluk kepada amalan-amalan tindakan tatatertib biasa dan bukan dibuang kerja secara arbitrary.

Tuan Yang di-Pertua, jika pegawai-pegawai awam benar-benar mahu diberhentikan, dibuang kerja tanpa didengar, satu hak yang sangat mustahak sudah dihalang. Di sini peruntukan baharu yang Kerajaan mahu mengadakannya ialah satu pindaan kepada satu Perkara 135 (2) yang berbunyi "jika perkhidmatan seorang anggota perkhidmatan itu ditamatkan untuk kepentingan awam di bawah mana-mana undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa atau di

bawah mana-mana peraturan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkaranya 132 (2), penamatan perkhidmatan itu tidaklah bermakna buang kerja sama ada atau tidak keputusan menamatkan perkhidmatan itu berhubung dengan salah laku pegawai itu atau pelaksanaan tugas yang tidak memuaskan olehnya berkaitan dengan jawatannya atau akibat-akibat penamatan itu melibatkan suatu elemen hukuman; dan proviso ini hendaklah disifatkan sebagai sebahagian integral Perkara ini mulai dari Hari Merdeka”.

Pindaan ini sebenarnya merampas security of tenure dan jaminan perlembagaan bahawa pegawai-pegawai awam tidak akan tertakluk kepada pembuangan kerja yang dilakukan sewenang-wenangnya tanpa diberi peluang untuk didengar. Pindaan ini sebenarnya merupakan pemansuhan Perkara 135. Jika Kerajaan benar-benar mempunyai alasan-alasan yang cukup untuk membuang kerja seorang pegawai awam, Kerajaan akan menggunakan Perkara 135 (2) dan memberi pegawai berkenaan peluang untuk didengar, tetapi jika sekiranya Kerajaan tidak mempunyai alasan-alasan yang baik, Kerajaan boleh juga membuang kerja pegawai awam berkenaan dengan menguatkuasakan pindaan kepada Perkara 135 (2) yang kita sekarang diminta luluskan hari ini. Kerajaan secara terang-terang hendak menempatkan dirinya dalam satu keadaan di mana “heads I win, tails you lose”. Apa yang menakutkan sangat tentang pindaan ini ialah menghasilkan satu Pandora's Box di mana pegawai-pegawai rendah boleh divictimise atau menjadi mangsa Ketua-ketua Jabatan mereka.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa setakat ini hanya 96 orang pegawai telah ditamatkan perkhidmatan mereka di bawah Peraturan 44. Ini bukan satu angka yang kecil. Di bawah Peraturan 44 tidak terdapat apa-apa jentera untuk mencabar tuduhan-tuduhan yang dilemparkan terhadap pegawai-pegawai awam berkenaan. Pegawai awam itu mungkin tidak akan tahu selama-lamanya akan sebab-sebab ia dibuang kerja, kerana haknya untuk didengar telahpun dihapuskan sama sekali.

Apa yang lebih buruk ialah seorang pegawai yang perkhidmatannya ditamatkan akan dengan serta merta diletakkan di bawah satu gumpalan awan, satu cloud dan ia telah didapati tidak jujur atau ada be-

rasuah, sungguhpun ini mungkin tidak berlaku. Pihak CUEPACS tidak membesar-besarkan apabila mereka dalam kenyataan dan surat menentang pindaan ini telah menisfatkan kepada Perkara 135 (2) sebagai menghapuskan erti yang diberikan kepada perkataan “dismissal” malah saya telahpun berkata pindaan ini hampir-hampir memansuhkan Perkara 135 (2).

Pindaan yang dicadangkan kepada Perkara 135 (2) adalah lebih objectionable kerana penguatkuasaannya adalah dikebelakangkan sehingga Hari Merdeka tahun 1957.

Perundangan atau retrospective legislation adalah paling obnoxious dan objectionable kerana ianya menghalalkan apa yang haram dan mengharamkan apa yang halal ketika perbuatan itu dilakukan. Ia juga melemahkan kehormatan orang ramai terhadap Rule of Law. Di Malaysia nampaknya telah menjadi satu tabiat, satu habit Kerajaan untuk memperbuat retrospective constitutional amendments. Dan dalam tahun 1976 apabila banyak bahagian constitution kita dipinda terdapat sekurang-kurangnya empat buah pindaan yang mempunyai retrospective effect.

Pindaan-pindaan constitution yang retrospective yang menafikan seorang hak yang beliau ada dalam masa satu tempoh masa dahulu adalah buruk tetapi di Malaysia, Kerajaan juga sempat melakukan amalan-amalan yang sangat kotor, yang deplorable dengan campur tangan dalam proses kehakiman dengan mengadakan pindaan-pindaan Perlembagaan yang mempunyai retrospective effect dalam perkara di mana percabaran sedang dijalankan dalam Mahkamah-mahkamah.

Kerajaan bukan sahaja nullify keputusan-keputusan Privy Council tetapi juga membangunkan satu tabiat untuk meminda constitution, sungguhpun perkara ini sudah berada dalam Mahkamah supaya menentukan bahawa Kerajaan akan berjaya, sungguhpun ia akan tewas dalam Mahkamah. Dalam perkara ini Privy Council ada buat ulasan yang sangat caustic mengenai amalan yang sangat deplorable ini dalam kes Isnan bin Osman dan Government of Malaysia di mana seorang anggota Polis telah dipecat, dibuang kerja oleh Ketua Polis Negeri (C.P.O.) dan kes ini telah dibicarakan dalam Mahkamah Tinggi di mana Justice

Sharma ada berkata pembuangan kerja ini null and void—tidak constitutional, Kerajaan kemudian merayu kepada Mahkamah Persekutuan (Federal Court) dan Mahkamah Persekutuan upheld keputusan Justice Sharma dan Kerajaan lagi merayu kepada Privy Council tetapi semasa rayuan dibuat kepada Privy Council, Kerajaan datang ke Parlimen ini untuk mendapat kelulusan satu pindaan kepada Perlembagaan atas Perkara 135 yang memberi kuasa kepada C.P.O. untuk pecat atau membuang kerja seorang anggota Polis. Dan apabila kes ini didengar dalam Privy Council, Privy Council telah membuat satu caustic comment yang katanya dalam satu sentence, satu ayat dalam Inggeris mengenai judgment of the Privy Council: "This attempt to deprive a litigant of a right of property by retrospective legislation passed *pendente lite* (when there is pending litigation) is a step of a most unusual character".

Dan saya rasa ini adalah sangat tidak sihat apabila ada perbicaraan dijalankan, Kerajaan datang ke Dewan ini untuk mendapat kelulusan pindaan kepada Perlembagaan supaya mereka boleh menang dalam Mahkamah dengan mengatakan Undang-undang sudah dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun mahu bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Menteri Undang-undang yang ada di sini, kenapa Perkara 135 (2) ini mesti didapati retrospective effect—dikebelakangkan ke tahun 1957 apabila Peraturan 44 diperbuatkan dalam tahun 1969, adakah dalam tempoh 12 tahun, 1957 dan 1969 lagi ada lain-lain, other laws and regulations yang tidak sah yang berlawanan dengan Perkara 135 yang sekarang Kerajaan mahu dihalalkan, dijustifiedkan dan saya harap bahawa satu penjelasan yang terang boleh diberi oleh kerana apabila Dewan diminta meluluskan Undang-undang dengan retrospective effect, saya rasa Kerajaan bertanggungjawab untuk memberitahu Dewan dan negara, kenapa mahu buat begitu, apakah kesalahan dahulu, yang sekarang mahu dihalalkan. Apa yang saya tahu, saya sangat hairan kenapa mahu retrospective effect untuk pindaan ini. Yang saya dapat tahu sekarang baharu ada 7 kes yang semacam kes Mahan Singh, oleh kerana sungguhpun ada 96 orang yang dibuang kerja di bawah Peraturan 44, lain-lain kes

sudah di time barred—tidak boleh disaman, disue, ada 7 kes yang tunggu keputusan Privy Council dalam kes Mahan Singh sebagai satu test-case dan sekarang kalau kita meluluskan pindaan-pindaan ini bahawa 7 orang yang sebenarnya ada hak untuk mendapat ganti rugi daripada Kerajaan, akan hilang haknya. 7 orang ini mungkin melibatkan sejumlah \$500,000. Kenapa untuk setengah juta ringgit kita mahu rosakan nama baik kita bahawa kita kata kita percaya keluhuran Rule of Law dan tidak suka retrospective legislation; ini sangat obnoxious. Kenapa? Saya mahu tahu kenapa untuk 7 orang sahaja Perlembagaan terpaksa dipinda. Kita mahu mengorbankan satu prinsip yang sangat-sangat mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Peraturan 44, satu peraturan yang dibuat semasa darurat tahun 1969 dahulu, sekarang sudah 10 tahun. Kenapa darurat dalam tahun 1969 diisytiharkan untuk satu situasi, keadaan yang specific masa itu kerana berlakunya rusuhan—riot 13 Mei, keadaan itu sudah tidak ada lagi. Kenapa darurat itu diteruskan. Perisytiharan darurat mestilah untuk satu keadaan yang specific dan apabila keadaan specific sudah tidak ada lagi, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memansuhkannya darurat dan semua peraturan-peraturan, undang-undang juga mesti diubahsuai. Kalau selepas dimansuhkan perisytiharan darurat timbul pula satu keadaan baharu di mana perlu perisytiharan darurat dibuat adakah dibuat perisytiharan begitu. Tetapi saya rasa ini adalah salahguna kuasa. Kalau menggunakan satu darurat untuk satu keadaan specific untuk lain masa dan untuk lain perkara macam sekarang ini yang kita diminta untuk meluluskan atau memberi validity kepada satu peraturan darurat 10 tahun dahulu untuk apa, bukan untuk masa 13 Mei tetapi ini ialah untuk tata tertib anggota perkhidmatan awam. Saya rasa ini adalah satu salahguna kuasa darurat. Kalau saya tidak silap kita ada dua perisytiharan darurat yang sedang berjalan serentak, iaitu 13 Mei 1969 dan perisytiharan tahun 1963 untuk konfrantasi dengan Indonesia. Saya harap kedua-dua perisytiharan darurat ini dimansuhkan supaya kita jangan hidup dalam satu negara di mana dikuasai oleh darurat-darurat yang sudah lepas. Kalau ada darurat yang baharu, mestilah ada perisytiharan darurat yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pindaan kepada Perkara 135 (2) melibatkan hak-hak 500,000 orang anggota perkhidmatan awam yang sangat mustahak dan juga oleh kerana tidak ada sebab untuk retrospective legislation bagi pindaan ini, kami pihak di sini tidak boleh menyokong cadangan Kerajaan untuk meminda Perkara 135 (2) ini.

Di sini juga ada satu lagi pindaan yang dicadangkan oleh Kerajaan ialah untuk Bahagian XI heading dan Perkara 149 yang akan membesarkan scope di mana Kerajaan akan diberi kuasa untuk menahan orang-orang tanpa bicara ataupun melaksanakan undang-undang yang bertentangan—bercanggah dengan Article 5, 9, 10, kalau tidak silap saya yang melibatkan hak-hak asasi. Ada dua kategori yang ditambah dan namanya kedua-dua kategori ini sangat umum, sangat bahaya, oleh kerana ia adalah sangat umum jadi ia adalah sangat berbahaya.

Dalam negara ini kita ada undang-undang tahanan tanpa bicara dan kita tahu ada tahanan-tahanan politik, sungguhpun Menteri-menteri datang ke Dewan ini dan berkata bahawa di negara Malaysia tidak ada tahanan politik. Rakyat tahu dan dunia tahu di negara kita ada tahanan politik, ditahan bukan kerana apa-apa kesalahan yang dilakukan ataupun tahanan politik ini melakukan perbuatan jenayah tetapi oleh kerana fahaman politik mereka. Sebab itu dalam perkara tahanan tanpa bicara kuasa disalahgunakan. Saya rasa usaha-usaha Kerajaan ialah untuk membesarkan kuasa dalam bidang ini mestilah dipandang dengan distrust atau suspicion.

Di sini ada dua new paragraphs iaitu paragraph yang baharu dipinda untuk Article 149 (1) (e) dan (f), sungguhpun (f) ialah tambahan kepada (a) yang lama. Ini ialah clause dalam pindaan Rang Undang-undang ini iaitu "Fasal 5 Perkara 149 (e) yang mendatangkan mudarat kepada penyenggaraan atau penjalanan apa-apa bekalan atau perkhidmatan kepada orang ramai atau mana-mana golongan orangramai dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya;". Saya rasa ini satu peruntukan, satu fasal yang sangat umum yang kalau mahu disalahgunakan, ada sangat besar skopnya. Apakah erti bekalan atau perkhidmatan? Adakah ini melibatkan bukan sahaja kepada pekerja dan kakitangan Kerajaan, L.L.N.

dan sebagainya. Adakah ini melibatkan pekerja-pekerja di sektor swasta? Contohnya pekerja-pekerja ataupun ahli-ahli NUBE (National Union of Banking Employees) menjalankan tindakan mogok oleh kerana pertikaian perusahaan dengan majikan-majikan mereka boleh ditahan tanpa bicara. Semuanya ditahan tanpa bicara di bawah perenggan (e) ini atau lain-lain union, atau kesatuan-kesatuan. Saya rasa kita tidak boleh membiarkan satu pindaan yang memberi kuasa yang sebenarnya "blanket power," kuasa yang begitu maha luas tanpa dikontrol, check untuk mencabul hak-hak asasi warganegara Malaysia.

Begitu juga "(f) yang mendatangkan mudarat kepada ketenteraman awam dalam, atau keselamatan, Persekutuan atau mana-mana bahagian,". Bahagian yang baharu ini ialah mengenai ketenteraman awam. Bahagian keselamatan ini ada dalam Perlembagaan dan apakah ertinya kepada ketenteraman awam. Sebagai contoh penganjur-penganjur Universiti Merdeka kalau mahu bermesyuarat, boleh dianggap mendatangkan mudarat kepada ketenteraman awam dan semua rakyat yang menyokong projek Universiti Merdeka pun boleh dianggap sebagai mendatangkan mudarat kepada ketenteraman awam dan boleh ditahan tanpa bicara dan lain-lain sekatan yang akan dikenakan oleh pihak Kerajaan. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk meminda Perkara 149 adalah sangat tidak demokratik, sangat bahaya bukan sahaja tidak demokratik tetapi sangat bahaya oleh kerana kita tidak tahu apa kuasa yang kita memberi. Kita tidak tahu apa hadnya. Dengan sebab itu, saya berharap yang pertama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi penjelasan yang jelas ataupun kedua boleh "narrow down" sebenarnya keadaan-keadaan yang sekarang dalam fikiran Kerajaan. Satu keadaan yang tidak ada didengar ialah terhadap mereka yang mendadak. Kalau begitu, mungkin satu check ialah satu heading yang specific terhadap orang yang dragging specific, tetapi tidak boleh diumumkan di mana, apa-apa kalau Kerajaan Barisan Nasional tidak suka boleh digunakan terhadap musuh-musuh politik, musuh-musuh lain.

Ada dua perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua. Satu ialah mengenai pindaan kepada peruntukan untuk bilangan anggota-anggota

dalam Senate. Kita menghadapi satu pindaan untuk menambahkan Ahli-ahli dalam Senate daripada 32 kepada 40 orang dan 2 orang baru untuk kawasan Wilayah Persekutuan. Kita tahu apabila kita mencapai kemerdekaan, salah satu sebab untuk mengadakan Dewan Negara ialah bagi mengadakan satu forum di mana Kerajaan Negeri dapat representation dan sebab itu Kerajaan-kerajaan Negeri memilih 22 orang Ahli-ahli kepada Dewan Negara, dan orang-orang yang dilantik oleh Kerajaan Pusat atau Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Kerajaan Pusat hanyalah 16 orang. Tetapi nampaknya sekarang bukan sahajaimbangan di antara Federal-States sudah terbalik tetapi akan lebih tidak seimbang, oleh kerana kita akan mengadakan 26 orang Senator yang boleh dikatakan wakil negeri-negeri tetapi akan terdapat ada 40 orang yang dilantik oleh Kerajaan Pusat.

Tetapi apa yang sangat dikesalkan ialah dalam sejarah Dewan Negara sejak tahun 1957 sampai sekarang, Dewan Negara tidak memainkan satu peranan yang dikehendaki dalam Perlembagaan. Dewan Negara ialah satu Chamber di mana rakyat yang mewakili bidang-bidang yang berpengalaman, yang boleh memberi sumbangan terhadap kepentingan negara, boleh memainkan peranan dalam Dewan Negara, tetapi nampaknya Dewan Negara digunakan sebagai satu "rubbish dump" di mana ahli-ahli, tokoh-tokoh politik Barisan Nasional yang tidak boleh dapat dipilih, didump dalam Dewan Negara, satu "Yes" Chamber sahaja, satu chamber sehingga hari ini kalau tidak ada pun, rakyat pun tidak "miss". Kalau inilah tujuan negara, tujuan Kerajaan mengadakan satu Dewan Negara, lebih baiklah kita menghapuskan Dewan Negara—tidak ada guna, kecuali kita adakan sebuah Dewan Negara yang boleh memainkan role dan peranan yang dikehendaki seperti terdapat dalam Perlembagaan di tahun 1957.

Yang kedua, dalam Perkara 45, Fasal 4 (b) Perlembagaan kita—Composition of Senate—ada peruntukan yang mengatakan bahawa:

"Parliament may by law provide that the members to be elected for each State shall be so elected by the direct vote of the electors of that State."

Saya rasa, kalau kita mahukan sebuah Senate memainkan satu peranan yang dihormati oleh rakyat, satu peruntukan yang kita mesti melaksanakan ialah di mana Ahli-ahli Senate untuk negeri-negeri dipilih oleh rakyat. Ini bukan satu cadangan yang luar biasa tetapi satu cadangan yang terdapat dalam fikiran fathers of the Malaysian Constitution. Oleh kerana sudah ada peruntukan-peruntukan ini, saya rasa sudah sampai masanya untuk di mana peruntukan-peruntukan ini, fasal-fasal ini dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, dua pindaan yang besar ialah mengenai Perkara 135 dan 149 yang sangat penting dan oleh kerana sebab-sebab yang kita ada kemukakan, kita di pihak sini tidak boleh memberi sokongan kecuali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi penjelasan-penjelasan yang cukup kenapa dikehendaki satu retrospective legislation dan kenapa dalam 21 tahun ini Undang-undang tahanan tanpa bicara disalahgunakan. Mungkin masa pun sudah sampai untuk Kerajaan mengkaji semula undang-undang tanpa bicara dan untuk memansuhkannya dan membebaskan semua tahanan-tahanan politik atau mendakwa mereka dalam mahkamah yang terbuka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Parit.

5.46 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentuh kepada pindaan Perlembagaan Perkara 135 (2).

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul meminda Perlembagaan yang ada di hadapan kita ini dan suka membawa beberapa pandangan yang perlu sangat diambil perhatian oleh Kerajaan. Sekarang ini kita tidak hanya mendengar sungutan daripada orang ramai mengenai kakitangan atau pegawai-pegawai Kerajaan akan perihal tugas-tugasnya, akan tetapi kita terlalu banyak mendengar mengenai kecekapan, dedikasi dan sebagainya tidak seimbang dengan perkembangan negara yang membangun. Kita dengar soal penyelewengan, rasuah, tidak berdisiplin dan lain-lain lagi.

Dengan adanya pindaan ini, saya berpendapat jika ada di antara atau kalangan kakitangan mahupun pegawai-pegawai Kerajaan yang didapati menyeleweng, ponteng dan tidak dapat mengikut susunan tatatertib pentadbiran, saya kira wajarlah bagi Kerajaan memberhentikan sahaja atau meminta mereka melepaskan jawatan yang disandangnya. Ini ialah kerana kita sudah bebas dan merdeka 21 tahun. Kita tidak perlu menyimpan dan menanggung beban dan membazirkan wang disebabkan adanya kalangan rakyat kita yang menjadi kakitangan Kerajaan tidak dapat mengikut perkembangan pembangunan negara.

Sekarang kita sedang menghadapi soal pengangguran yang berlipatganda. Kita menghadapi problem ini begitu rumit dan sukar diatasi. Dengan adanya pindaan ini, saya kira problem pengangguran dan memberi kesempatan kepada mereka yang telah tamat persekolahan dan mempunyai ijazah serta kelayakan yang cukup dan memenuhi jawatan-jawatan yang dikosongkan supaya kerja-kerja atau jentera Kerajaan tidak tergendala.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak sanggup lagi membiarkan kecaman rakyat kepada Kerajaan disebabkan kita mempunyai pegawai-pegawai Kerajaan yang mementingkan diri dan berpendirian bekerja semata-mata untuk makan gaji. Pembelaan yang pernah kami suarakan untuk kepentingan rakyat pada setiap kali Dewan yang mulia ini bersidang, kami juga faham kedudukan setengah dan sebahagian besar daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang menunjukkan sikap dedikasi, rajin, cekap dan sebagainya akan tetapi memandangkan akhir-akhir ini terlalu banyak penyelewengan berlaku hingga boleh mengendalakan tugas-tugas penting di Jabatan-jabatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Perkara 149, saya kira dengan adanya pindaan ini kita dapat mengatasi masalah jenayah subversif. Ini menggalakkan juga daripada terdapatnya anasir-anasir subversif masuk campur dalam perkhidmatan Kerajaan jika tidak diawasi dengan serapi-rapinya. Saya sangat setuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Setapak yang bercakap semalam mengenai soal pendatang-pendatang

haram mengikut istilah sebenarnya. Ini memandangkan kelengkapan dalam Perlembagaan yang khusus mengenai perkara semupama ini bukan sahaja menambahkan beban kepada negara kita malah jika ini dibiarkan akan lebih menyulitkan kita di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada masalah pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, saya suka menyebut tentang ura-ura hendak memberi hadiah istimewa yang akan dikeluarkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang dedikasi, rajin dan sebagainya. Saya bersetuju benar dengan ura-ura ini akan tetapi hendaknya da'am melaksanakan usaha ini biarlah benar-benar kita dapat mengkaji latar belakang pegawai yang hendak diberi tauliah atau hadiah itu atas perkhidmatannya dalam semua segi dan sudut dan pelaksanaan ini janganlah hendaknya dibuat di peringkat Federal sahaja malah biarlah dibuat secara menyeluruh hingga kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat di daerah-daerah.

Mengenai rasuah dan kelambatan bekerja dan kadang-kadang tergendala di peringkat daerah dan negeri disebabkan pelaksanaan yang kurang cekap saya kira Kerajaan Pusat patut berbuat sesuatu dalam mengatasi soal ini seberapa segera yang boleh.

Sekarang kita memberikan peruntukan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai rancangan pembangunan. Rancangan pembangunan yang berjalan bertahun-tahun ini telah mencapai kejayaan dan Kerajaan kita berazam untuk melipat-gandakan kemajuan dan kepentingan rakyat luar bandar dengan mengadakan berbagai-bagai projek seperti yang kita ketahui. Kerajaan-kerajaan negeri akan menyediakan penyata kira-kiranya kepada Kerajaan Pusat pada tiap-tiap akhir tahun. Di sana sini akan diketahui berapa jumlah wang yang telah dibelanjakan, berapa pula akan dibelanjakan di tahun-tahun berikutnya dan sebagainya.

Bagi mengelak sebarang penyelewengan berlaku, saya suka mencadangkan supaya diadakan quarterly return atau mid-term return dihantarkan kepada Kerajaan Pusat. Dengan cara ini Kerajaan Pusat dengan mudah dapat mengetahui samada wang yang diperuntukkan itu dibelanjakan mengikut kehendak rakyat yang sebenarnya.

Banyak juga sungutan menyatakan bahawa projek-projek kecil di peringkat daerah tidak dapat dilaksanakan dengan cepat dan pembayarannya memakan masa begitu lama. Ini mungkin berlaku disebabkan penyelewengan. Sebab itulah saya katakan tadi kita terpaksa meminta laporan akhir tahun dari negeri-negeri dihantar setiap enam bulan sekali atau setiap suku tahun sekali. Kita juga tahu masalah penyelewengan ini berlaku di mana-mana. Akhir-akhir ini ada berita menyebutkan seorang Budak Pejabat boleh menyimpan sebanyak lebih daripada 30 fail permohonan orang ramai, tidak di pejabatnya tetapi di rumahnya. Pihak Ketua Jabatan berkenaan tidak dapat mengesan perkara semacam ini. Adakah ini satu langkah yang boleh kita anggap kesalahan kepada budak pejabat atau ketuanya. Dari itu saya berharap kita akan kuatkuasakan pindaan Perlembagaan ini dengan tujuan menjamin bahawa jentera Kerajaan kita dapat berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya kita mengambil sikap yang lebih tegas disebabkan negara kita sedang pesat membangun dan pembangunan negara hendaknya biarlah sejajar dengan pembangunan di jiwa rakyat kita. Jika sebarang penyelewengan khususnya yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Kerajaan masih terus berlaku saya percaya segala cita-cita rakyat dan Kerajaan akan musnah sama sekali. Kita tidak berhasrat hendak menjadikan pindaan ini menyiksa jiwa pegawai-pegawai Kerajaan, akan tetapi apa yang kita harapkan agar ini memandu mereka menjadi warganegara yang lebih bertanggungjawab terhadap Kerajaan dan rakyatnya sendiri. Sekian pendapat saya dan saya memberi sokongan penuh terhadap pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.55 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1978, bagi Perkara 45 Perlembagaan Fasal (1) (d) menambahkan keahlian Dewan Negara seramai 8 orang lagi itu adalah menggambarkan bahawa negara kita telah mengamalkan demokrasi yang sihat dan memerlukan sumbangan pemikiran yang ramai dari berbagai-bagai

golongan. Makin ramai ahli di dalam sesuatu Dewan itu, makin banyaklah pandangan dan fikiran yang dapat dijadikan panduan bagi mencapai hasrat dan matlamat Kerajaan sebagai Kerajaan yang adil, makmur dan bahagia. Idea-idea yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara yang sudah tentu dapat mewakili ramai golongan rakyat dan ramai lapisan rakyat supaya suara rakyat sebenarnya dapat juga didengari di Dewan yang mulia itu.

Kita memerlukan Ahli-ahli Dewan Negara yang lebih baik, juga Ahli-ahli Dewan Negara yang dapat kita tukarkan dari masa ke semasa dalam masa yang lebih singkat sebagaimana Fasal (3) dari enam tahun kepada tiga tahun itu juga memberikan gambaran hasrat Kerajaan kita hendak mendapat Ahli-ahli Dewan Negara yang cekap, dedikasi dan mahu berkhidmat untuk negara dan juga rakyat.

Kita tahu ada di antara Ahli-ahli Dewan Negara ini walaupun mereka telah beriya semasa mudanya ataupun semasa perkhidmatannya, tetapi mungkin tidak begitu berminat apabila mereka telah tidak dapat memberi sumbangan yang sepatutnya ataupun minatnya kepada negara ini, maka masa enam tahun adalah sangat lama untuk kita menggantikan Ahli Dewan Negara yang lain. Jadi pertukaran masa dari tiga tahun itu adalah lebih baik untuk Kerajaan mendapat Ahli Dewan Negara yang lebih baik dan cekap serta dedikasi. Oleh itu, saya menyokong pindaan bagi Perkara 45, Fasal (1) (b) dan Fasal (3) untuk dijadikan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1978.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Perkara 135 (2) (d) saya juga menyokong peruntukan tambahan yang pihak berkuasa akan diberi kuasa untuk menamatkan perkhidmatan seorang anggota perkhidmatan awam yang tersebut di dalam Perenggan (b) hingga (h) Fasal 1, Perkara 132. Memang sewajarnya perenggan ini ditambah dan memberi tafsiran yang lebih tegas dengan kuasa-kuasa yang ada oleh pihak yang diberi kuasa untuk melaksanakan penamatan seorang anggota perkhidmatan awam demi untuk kepentingan awam dan negara seluruhnya. Penamatan perkhidmatan seorang anggota perkhidmatan awam itu kita tidak boleh anggap sebagai pembuangan kerja dan menyalahi Perkara 135 (2), tetapi merupakan satu keputusan

yang hak pihak yang berkuasa itu melaksanakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1978 yang akan diluluskan nanti.

Negara kita ialah sebuah negara yang sedang membangun maka pelaksanaan pembangunan perlu disegerakan. Rancangan kilat dan cepat dilaksanakan demi untuk pembangunan segera negara kita.

Demi melaksanakan pembangunan ini kita perlu jentera moden dan juga pegawai-pegawai yang dedikasi serta cergas dan tangkas dalam menjalankan tugas-tugas negara demi untuk kepentingan awam. Dengan adanya pegawai yang tidak cekap, uzur dan tidak unaya melaksanakan tugas-tugas negara dan kepentingan awam yang diperlukan segera bagi melaksanakan segala pembangunan dan dengan adanya pegawai ini juga boleh menghalangkan pegawai-pegawai muda yang mungkin lebih dedikasi dan cergas lagi. Bagi melaksanakan tugas tersebut dengan licin untuk beban rancangan pembangunan yang banyak itu maka penamatan perkhidmatan yang terdapat dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) 1978 adalah sewajarnya demi untuk kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terlaksananya Akta Perlembagaan (Pindaan), 1978 pegawai perkhidmatan awam tidak perlu takut dan tidak perlu juga bimbang, bahkan sebaliknya patut berterima kasih kepada Kerajaan kerana Kerajaan sebagaimana kita sedia maklum bahawa anggota perkhidmatan awam ini telahpun memberi sumbangan yang besar kepada negara secara jujur, ikhlas dan cergas serta dedikasi di dalam menjalankan kewajibannya serta tanggungjawabnya terhadap negara. Kalau tidak negara kita tidak akan ada sebagaimana yang ada pada hari ini. Tetapi sebaliknya ada seorang dua atau segolongan kecil yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan kuasa, membocorkan rahsia Kerajaan, melakukan rasuah yang boleh merosakkan Perkhidmatan Awam itu sendiri. Kita tidak mahu seekor kerbau membawa lumpur habis semuanya terpalit, kita juga tidak mahu disebabkan nila setitik merosakkan susu sebelanga. O'eh itu Akta Perlembagaan (Pindaan) inilah patut dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perlembagaan (Pindaan) ini juga adalah bertujuan untuk menjaga nama baik Perkhidmatan Awam daripada tercemar dan dituduh

dengan sewenang-wenangnya oleh mereka yang tidak bertanggungjawab terutama oleh pihak Pembangkang. Kesimpulannya Akta Perlembagaan (Pindaan) ini tidak akan mengganggu dan juga menggugat serta menyusah dan membimbangkan pegawai-pegawai yang jujur dan ikhlas dan juga tidak akan membimbangkan pegawai yang cergas dan dedikasi di dalam melaksanakan tugasnya terhadap negara ini. Selanjutnya Kerajaan tidak berniat hendak menekan pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam tetapi sebaliknya membersihkan sampah-sampah yang bo'eh mengotorkan perkhidmatan itu dan juga Kerajaan yang memerintah negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur bercakap mengenai pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang adanya segolongan pegawai dan kakitangan yang bukan sahaja tidak bersetuju tetapi sebaliknya menentang terhadap sistem dasar dan peraturan Kerajaan yang ada sekarang ini. Malangnya, mereka itu pelaksana sistem dan dasar peraturan tersebut. Jadi bagaimanakah sebuah Kerajaan yang cekap dan bersih dapat diwujudkan selagi pegawai-pegawai dan kakitangan seperti ini yang menjadi kuman (parasite) kepada Kerajaan. Oleh itu sekiranya ada pegawai-pegawai dan kakitangan awam seperti ini maka dengan segala hormatnya diminta mengundurkan diri secara terhormat sebelum Akta Perlembagaan (Pindaan) 1978 ini dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan besar ada dan tentu ada golongan yang menentang Akta Perlembagaan (Pindaan) ini baik di dalam Dewan mahupun di luar Dewan. Kepada golongan penentang inilah dengan terang-terang saya nyatakan sebagai lidah bercabang kerana kita sama-sama telah mendengar mereka itu telah bertempik dan melauing serta mencabar Kerajaan di dalam Dewan ini supaya bertindak tegas terhadap pegawai-pegawai yang menyalahgunakan kuasa, pegawai-pegawai yang menyeleweng, pegawai-pegawai yang rasuah dan pegawai-pegawai yang membocorkan rahsia. Nah! sekarang ini Akta Perlembagaan (Pindaan) adalah bertujuan untuk menyambut cabaran dari golongan Pembangkang itu dan sepatutnya pihak Pembangkanglah yang memberi sebulat sokongan terhadap Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, tetapi sebaliknya mereka berapi-api menentang pula.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sikap mereka membangkang kerana mereka Pembangkang yang tidak terdapat kejujuran serta tidak terdapat perasaan yang bertanggungjawab seolah-olah mereka itulah juara pejuang asasi manusia di dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di luar Dewan pula kita telah mendengar Majlis Peguam Malaya telah menyatakan bantahan mereka terhadap Akta Perlembagaan (Pindaan) ini tanpa membuat kajian yang teliti tentang mengapa perlunya Kerajaan terpaksa membuat pindaan ini. Pada hemat saya sikap seperti ini tidak sepatutnya lahir dari kalangan cerdik pandai bidang undang-undang dan sikap mereka ini adalah dianggap tidak rational kerana mereka telah membuat kesimpulan sebelum mengkaji dan meneliti sedalam-dalamnya pindaan yang dibuat kerana kenyataan ini mereka sendiri telah mengeluarkan kenyataan dalam suratkhbar yang mereka tidak ada masa untuk mengkaji undang-undang ini. Masa tidak perlu bagi peuam itu mengkaji sebelum Dewan ini meluluskan undang-undang tersebut. Saya tidak hairan kalau tuduhan melulu ini keluar dari percakapan di kedai kopi, tetapi saya merasa kesal kerana pihak yang kita anggap pakar di dalam undang-undang telah mengeluarkan kenyataan emotional sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini CUEPACS telah cuba mempengaruhi Dewan yang mulia ini dengan menyebarkan surat yang dihantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apakah pihak CUEPACS fikir Ahli-ahli Dewan ini tidak ada otak atau untuk berfikir bagi meluluskan undang-undang ini. Daripada contoh yang telah diberi oleh CUEPACS bahawa kes Mahan Singh dan kes Azanan Othman membuktikan kepada kita bahawa Kerajaan tidak berkuasa menyingkirkan pegawai-pegawai yang rasuah dan Kerajaan tidak berkuasa menyingkirkan pegawai-pegawai yang menyeleweng. Oleh itu, Akta Perlembagaan (Pindaan) ini sangat perlu demi untuk membersihkan negara kita daripada sampah-sampah yang kotor itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut daripada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang cuba hendak membangkang Akta Perlembagaan (Pindaan) ini, akan tetapi bagi saya nampaknya dia tidak memberi sebab, katanya Akta Perlembagaan (Pindaan) ini tidak bermakna dan tidak akan dapat menghapuskan rasuah. Tetapi pihak Ahli

Yang Berhormat itu tidak memberi bagaimana jalan untuk menghapuskan rasuah, cuma memberi contoh mengapa pegawai awam hendak dikenakan undang-undang kerana takut rasuah, mengapa tidak ahli politik? Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu tidak pernah masuk Barisan Nasional maka dia tidak tahu di dalam parti politik Barisan Nasional, Parti Barisan Nasional, dan bukan parti DAP, mempunyai peraturannya tersendiri. Ahli-ahli Parlimennya yang rasuah tidak akan dapat dicalunkan bagi kali yang kedua, begitu juga Menteri-menteri daripada Barisan Nasional bukan sahaja dia diturunkan daripada pangkat Menteri tetapi juga tidak akan dibenarkan bertanding dalam pilihanraya yang berikutnya. Bukan itu sahaja, tiap-tiap lima tahun sekali rakyat telah menghakimkan kita, kalau sekiranya ada rasuah, kalau sekiranya diberi calun maka rakyat itu tidak akan memilih Ahli Parlimen itu.

Saya rasa pada masa itu mungkin ahli DAP yang baik, yang jujur, ikhlas itu akan dipilih maka kita akan lihat sejauh mana kejujuran yang mereka tempekan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyentuh Akta Pindaan seksyen 5, Perkara 149 meliputi perkara peruntukan di bawah Perkara 149 (e) dan (f) dan Rang Undang-undang ini bagi mencegah anasir-anasir subversif dan aktiviti yang memudaratkan kepada ketenteraman awam kerana aktiviti subversif dan tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam sangat menjadi-jadi sekarang ini dan tanpa disedari oleh Kerajaan dan pihak yang berkuasa. Sebagaimana ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam membentangkan Rang Undang-undang ini telah menyebut ancaman dari penyalahgunaan dadah dan kongsi-kongsi gelap yang boleh mengancamkan ketenteraman negara dan wakil dari Baling tadi telah juga takut kepada Undang-undang ini dan tidak mahu faham serta beliau mahu penafsiran yang halus. Begitu jugalah pihak Pembangkang (DAP) yang tidak setuju akan Akta Pindaan Perkara 149 ini. Oleh itu, saya berharap Kerajaan harus mengkaji dan perhati beberapa perkara lain yang boleh dianggap sebagai tindakan memudaratkan ketenteraman awam walaupun perkara itu

kecil tetapi boleh memecahbelahkan perpaduan rakyat dan seterusnya mengancam ketenteraman negara. Dengan sebab itulah parti-parti Pembangkang ini bimbang, takut Kerajaan ini mengambil tindakan.

Kalau sekiranya wakil dari Baling itu tidak faham tentang tafsiran ini, biarlah saya mentafsirkan secara pendapat saya bahawa isu-isu perkauman masih lagi timbul dan segolongan pemimpin yang tidak bertanggungjawab mana-mana perkara yang boleh dipergunakan untuk memberi sokongan dan menghidupkan parti mereka dibesar-besarkan serta memperjuangkan hasrat dan faedah bagi menguntungkan satu kaum sahaja. Jadi segala isu-isu ini mungkin Kerajaan akan mentafsirkan sebagai satu perkara yang boleh memecahbelahkan perpaduan dan ketenteraman awam di dalam negeri ini.

Kita dapati bahawa ramai di antara pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab ini telah memberi sokongan kepada pendatang haram dan memberi bantuan yang merupakan makanan dan harta-benda, kononnya merekalah golongan yang berperni kemanusiaan dalam dunia ini tetapi akibat daripada kedatangan pendatang haram itu sudah tentu akan menimbulkan masalah negara dan memudaratkan kepada ketenteraman awam. Mereka yang menyokong ini juga boleh dianggap subversif dan mengancam ketenteraman awam. Kedatangan pendatang haram ini juga telah digunakan oleh segolongan pemimpin lain pula yang juga tidak bertanggungjawab untuk menakutkan rakyat dan menyebarkan berita-berita yang tidak benar tentang kedatangan pendatang haram ini bagi membangkitkan kebencian rakyat terhadap Kerajaan. Bila perasaan benci rakyat itu telah memuncak maka mudahlah golongan ini mengeksploitasikan keadaan itu bagi mencapai cita-cita jahatnya bagi menghancurkan negara ini.

Satu tafsiran lagi ada juga setengah golongan lain pula mempergunakan dan memperalatkan agama Islam yang suci bagi kepentingan politik mereka. Kalau kominis yang mempergunakan senjata bagi memecahbelahkan perpaduan rakyat telah gagal, tetapi golongan yang memperalatkan agama ini telah berjaya meretakkan perpaduan rakyat dan ini merupakan satu pertolongan kepada perjuangan kominis yang telah gagal itu. Maka bolehlah dianggapkan aktiviti

ataupun tindakan serupa ini lebih bahaya daripada perjuangan kominis, maka ini juga boleh dianggap mengancam atau memudaratkan ketenteraman awam serta memecahbelahkan masyarakat di luar bandar.

Selain daripada itu, saya menyentuh juga kepada pegawai Kerajaan yang menentang dasar-dasar dan perpaduan Kerajaan dan membocorkan rahsia Kerajaan dianggap sebagai yang memudaratkan ketenteraman awam kerana tindakan yang dilakukan oleh pegawai tersebut boleh digunakan oleh pemimpin atau golongan yang tidak bertanggungjawab bagi mengancam ketenteraman awam dan negara ini. Jadi Akta pindaan ini akan memberi pengertian dan tafsiran yang lebih serta memudahkan tindakan pihak yang berkuasa bagi menjalankan tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyebut sambungan daripada yang disebutkan oleh wakil dari Petaling tadi bahawa mereka menganggap Dewan Negara ini adalah merupakan rubber stamp dan mungkin apabila DAP memerintah nanti ia akan membawa satu usul dan usul yang paling baik bagi DAP, iaitu menghapuskan Perkara 44 dan 45 ini. Kalaulah ini hasrat Pembangkang dan DAP, saya rasa hasratnya adalah yang paling baik tetapi baik bagi dirinya dan saya rasa hasratnya tidak akan tercapai. Oleh itu saya menyokong dan menganggap penentang kepada Akta ini adalah sebagai lidah bercabang yang tidak mahu melihat kepada penyelewengan dan juga rasuah serta menyalahgunakan kuasa yang ada di dalam negeri ini berlanjutan. Maka saya sekali lagi menyokong Akta Perlembagaan (Pindaan) 1978 ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu.

6.17 ptg.

Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (Lubok Antu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan-pindaan yang dibuat terhadap perkara-perkara dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) 1978 yang dikemukakan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan ini terhadap Perkara 135 (2) yang menyentuh soal pegawai-pegawai Kerajaan. Seperti yang kita ketahui, pegawai-pegawai Kerajaan adalah hati dan nadi

dalam pentadbiran negara, sama ada lancar atau tidaknya jentera Kerajaan berjalan adalah bergantung kepada tingkah laku para pegawai itu sendiri. Malaysia sebagai negara yang baru merdeka dan sedang membangun memerlukan para pegawai yang menduduki kerusi-kerusi pentadbiran bekerja dengan tekun, cekap dan dedikasi. Secermat mana atau sebaik manapun dasar Kerajaan dirancang atau difikirkan ianya menjadi angan-angan jika ia tidak dijalankan dengan wajar. Kita sering mendengar sesuatu peraturan atau Undang-undang yang digubal hanya menjadi hiasan kertas sahaja jika ia tidak dilaksanakan. Kita selalu juga bertemu dengan kegagalan projek-projek yang tertentu yang kadang-kadang melibatkan berjuta-juta ringgit telah gagal dan mengalami kerugian yang besar.

Antara faktor kegagalan dan kerugian adalah kecuaiian atau ketidakcekapan para pegawai sendiri. Oleh itu jelasnya faktor kebijaksanaan dalam tindakan tidak kurang mustahaknya selain dari faktor perancangan dan wang misalnya. Keperluan seperti ini adalah saling isi-mengisi bergantung antara satu sama lain. Kita sekarang sedang melaksanakan dengan penuh minat akan Dasar Ekonomi Baru. Segala-galanya harus berjalan dengan teratur dan licin untuk mencapai matlamat dan kejayaan yang ditentukan dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung adalah pegawai-pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, para pegawai Kerajaan tidak syak lagi harus menumpukan perhatian yang serius dan bulat terhadap melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Di dalam kedudukan tanggungjawab yang begitu besar dan padu maka para pegawai Kerajaan tidaklah patut bersikap kerja bercabang. Maksud saya tugas rasminya sebagai pegawai tetapi ada lagi kesempatan untuk berniaga atau mencari wang sampingan sehingga menjejaskan tugas ibu mereka. Kita seharusnya menumpukan setia dan cinta kepada kerja yang diamanahkan oleh rakyat dan negara. Tumpuan hendaklah dibuat sepenuh hati. Saya berpendapat kerja Kerajaan bagi orang yang menjadi anggota Perkhidmatan Kerajaan hendaklah bersifat monogamist dan tidak polygamist. Setengah orang berpendapat dua tiga kerja pada tapak yang berlainan dari seorang pegawai tidak ubah seperti orang memakai dua tiga songkok atas satu masa untuk satu masa. Bagaimanapun pada

keseluruhannya pegawai-pegawai kita adalah dedikasi dan bekerja keras. Mungkin ada satu dua yang polygamis sifatnya dalam kerja tetapi ia tidak mewakili segolongan besar para kakitangan Perkhidmatan Kerajaan yang berjumlah 500,000 orang itu. Kita berharap para pegawai sentiasa menjadi penasihat kepada teman-teman sepegawainya juga didapati ada yang terlanjur supaya janganlah kerana adanya seekor berbau membawa lumpur, akhirnya semua terpalit.

Kita juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana layanan baik terhadap para pegawai sehingga status para pegawai Malaysia adalah antara yang terbaik di Asia ini. Hakikat ini memang tidak dapat dinafikan. Bagaimanapun kepincangan-kepincangan kecil mengenai layanan terhadap para pegawai patut diberi perhatian.

Misalnya beberapa hari lalu ada akhbar-akhbar yang menimbulkan soal bahawa gaji Pegawai Penyiaran menggunakan tanggagaji pekerja keretapi. Sekali baca memang ternampak tidak ada lojiknya. Barangkali ada baiknya tanggagaji pegawai-pegawai yang boleh dianggap termasuk dalam bidang penyiaran, penerangan dengan ruang lengkungannya diselaraskan dan dimasukkan ke dalam kategori yang lebih menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, itu hanya satu daripada rasa tidak puas hati yang mungkin boleh mencatatkan warna pentadbiran Kerajaan.

Selain dari itu, saya suka membangkitkan soal cukai pendapatan. Ramai pegawai yang bersungut bahawa bunyinya gaji mereka mahal tetapi apabila kena cukai pendapatan maka tinggal tidak seberapa lagi untuk sara hidup diri, keluarga dan anak-anak.

Berbalik kepada tugas dan khidmat maka oleh kerana para pegawai merupakan angkatan perlaksanaan paling hadapan dalam jentera Kerajaan, maka patut sekali diberi satu kuasa tertentu untuk menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai yang didapati salah laku seperti yang dimaksudkan oleh pindaan ini. Memanglah patut mereka tidak dibuang kerja begitu sahaja tetapi dipencenkan. Dalam hal ini, saya sukalah menarik perhatian supaya pihak-pihak yang berkuasa tidak menyalahkan dalam Perkara 135 pindaan ini secara sewenang-wenang untuk memberi pencen kepada mana-mana pegawai

yang didapati tidak sehaluan atau atas dasar sentimen dan peribadi semata-mata. Untuk berlaku adil, saya cadangkan supaya setiap Kementerian mengadakan penal atau ditubuhkan satu penal khas bagi membicarakan seseorang pegawai yang didapati salah laku. Kita hendaklah memberi peluang untuk seseorang pegawai membuat penjelasan kenapa dan mengapa salah laku itu dilakukan. Pertimbangan atas penjelasan ini hendaklah dari banyak faktor. Misalnya, keselamatan, sosial, hubungan kemanusiaan dan lain-lainnya yang menasabah dan adil termasuk tekanan-tekanan dan sebagainya.

Soal fahaman politik, kepercayaan, saya rasa tidak sepatutnya dijadikan sebab atau faktor sebagai salah laku.

Mengenai pindaan bagi Bahagian 11 dan Perkara 149 kita menyokong sepenuhnya untuk memberi kuasa-kuasa khas menentang subversif, kekerasan yang dirancang dan lain-lain yang terkandung di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti subversif dan tindakan kekerasan nampaknya menjadi penyakit zaman moden yang chronic. Sambil itu jenayah-jenayah yang memudaratkan awam makin bertambah. Saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini apakah sebab dan puncanya jenayah itu timbul. Apakah disebabkan tidak ada kuasa khas atau disebabkan undang-undang yang kita warisi dari Great Britain ini sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan kita. Soal-soal ini akan menjadi dilemma dalam pelaksanaan undang-undang kita. Rakyat pada dasarnya inginkan keselamatan hidup, selamat mencari kehidupan, selamat mengawal hartabenda dan anak pinak dan terjamin dalam segenap bidang yang patut dilakukan sebagai orang yang bebas dalam dunia ini.

Kerajaan mungkin menaruh harapan besar dengan kuasa-kuasa khas ini. Kita harap hasrat tersebut akan dipenuhi. Ini adalah kerana kita sedar bahawa rakyat dari semua sektor kehidupan tidak berupaya hidup dalam negara yang penuh dengan violence, Kuala Lumpur misalnya menjadi Chicago. Dalam menghadapi masalah darah dan nyawa seperti ini Kerajaan hendaklah berani mengadakan satu peraturan dan kuasa, jika tidak sama ada Kerajaan hendaklah berani mencari aspek-aspek

baru dari undang-undang baru yang bersifat local atau terpaksa memecahkan tradisi perundangan Great Britain ini. Apa yang kita utamakan ialah keselamatan dan keharmonian bukan tentang dari mana undang-undang itu datang.

Mengenai gantian perenggan (e) dalam Perkara 149 maka perkara dadah ini sudah jelas menjadi hantu yang paling merbahaya dalam kehidupan kita, penalti dan hukuman mati seperti yang ada sekarang nampaknya tidak meredakan pendedar dan penagih dadah berhempas-pulas. Saya kira satu jalan lain harus dicari supaya segenap urat sarap yang menimbulkan bahaya dadah ini dihapuskan. Cara kita sekarang sama dengan cara-cara yang dibuat di negara-negara Eropah sampai melibatkan Interpol belum mendatangkan hasil yang sewajarnya. Saban hari kita mendengar tangkapan dan perbicaraan namun penagih-penagih berkeliaran juga di mana-mana. Apakah akan berlaku ke atas jenerasi akan datang jika pihak yang terlibat, keselamatan jenerasi itu tidak berganding bahu. Kita perlukan formula yang lebih menarik bagi mengatasi masalah yang dahsyat ini. Oleh yang demikian apa-apa sahaja langkah baik untuk mengatasi semua perkara yang boleh mengancam keselamatan negara, kehidupan rakyat dan keselamatan jenerasi akan datang adalah disokong oleh kami sepenuhnya. Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab pada pukul 7.30 malam. Sekarang Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

6.35 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Perlembagaan (Pindaan) 1978, Fasal (2) Perkara 45 (a) yang bermaksud untuk memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertua Agong melantik beberapa orang Ahli Dewan Negara dan termasuk dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat adalah sangat wajar bagi perlantikan ini memandangkan di dalam Wilayah Persekutuan tidak ada wakil-wakil yang duduk

sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri seperti di tempat-tempat yang lain, lagi pun di dalam Wilayah Persekutuan ini ada 5 orang Ahli Parlimen, kalau di kawasan-kawasan yang lain di dalam 5 kawasan Parlimen sudah tentu ada 10 kawasan Dewan Undangan Negeri dan 10 orang Ahli Dewan yang dapat duduk dalam peringkat Dewan Undangan Negeri dan akan berkhidmat. Saya mencadangkan di dalam perlantikan ini sepatutnya seorang wanita dilantik. Saya kata begitu kerana wanita adalah sebilangan rakyat di dalam negara ini dan bilangan wanita boleh dikatakan separuh di dalam negara Malaysia dan jika dibandingkan kerja-kerja wanita dan pengorbanan wanita terhadap negara dan bangsa boleh dikatakan sama dengan kaum lelaki, hanya sifatnya yang lemah lembut dan juga jenis yang dijadikan oleh Tuhan yang membezakan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal perlantikan ini terpulanglah kepada budibicara Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri. Jadi saya bersungguh-sungguh mencadangkan begitu kerana wanita ini sungguhpun tenaganya kurang, tetapi boleh juga kita memberi buah fikiran dan membincang, berunding bersama-sama. Jadi misalnya di dalam sebuah rumahtangga, jika si suami menjalankan sesuatu pekerjaan dengan tidak berunding dengan si isteri atau wanita, jadi satu-satu masalah itu tidak dapat diatasi dengan begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh Perkara 45 (c) iaitu pengurangan tempoh perkhidmatan Ahli Dewan Negara dari 6 tahun ke 3 tahun. Pada pendapat saya adalah baik kerana dengan cara ini kita dapat bagi peluang kepada orang-orang lain yang juga telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada negara dan juga kepada masyarakat. Saya rasa Ahli-ahli Dewan Negara tak perlulah bimbang dengan masa yang pendek tadi, misalnya seseorang itu dilantik tiga tahun, jika didapati perkhidmatannya baik, mungkin dapat dilantik semula tiga tahun lagi dan seterusnya tiga tahun lagi. Saya rasa perkara begini tidaklah membawa satu kerunsingan bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak bersetuju sama sekali di atas tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Daman-

sara yang mengatakan perlantikan Ahli-ahli Dewan Negara ini ialah memberi peluang kepada ahli-ahli politik yang tidak berjaya di dalam pilihanraya mendapat tempat di dalam Parlimen dan beliau juga selalu mengkritik berkenaan pindaan Perlembagaan. Ini bermakna kerja Pembangkang selalu membangkang. Bagi pihak Ahli-ahli (back-benchers) daripada Barisan Nasional tidak sedikitpun menghiraukan di atas bangkangan seperti itu kerana kita berpendapat apa yang baik yang patut kita pinda walau bagaimana banyak sekalipun pindaan itu untuk memberi kebaikan kepada rakyat dan kepada penduduk-penduduk kita boleh pinda di dalam Dewan yang mulia ini.

Menyentuh kepada pindaan bagi Fasal 3 bagi Perkara 135 (2) iaitu perkhidmatan awam, ini sangat-sangat perlu diperbetulkan dan diperbaiki. Tuan Yang di-Pertua, sebagai manusia biasa kita tidak dapat mengelak dari melakukan beberapa kesilapan dan kesalahan. Ada kalanya disengajakan dan ada kalanya tidak memikirkan akibat yang buruk akan menimpa diri. Walau bagaimanapun saya rasa pindaan Perlembagaan ini akan membawa faedah yang lebih baik lagi kepada seseorang pegawai bukan pindaan ini menganiaya mereka itu. Saya rasa pegawai-pegawai yang bekerja dengan ikhlas dan dedikasi tidak perlu bimbang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh sedikit lagi berkenaan dengan Fasal 5 iaitu Perkara 149 (d) dan (f). Saya rasa dengan adanya pindaan ini akan memberi peruntukan yang lebih, satu kuasa supaya dapat kita menentang segala perbuatan yang tidak diingini sebagai pengedar dadah, subversif dan penjenayah yang akan memudaratkan kepada ketenteraman awam.

Tetapi saya rasa dukacita yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi yang beliau berkehendakkan perkara-perkara ini dan diterangkan satu persatu. Tidakkah Ahli Yang Berhormat dapat baca dalam pindaan tadi maksud-maksud yang tertentu. Beliau telah membentangkan jika sekiranya sesuatu pemogokan daripada Lembaga Letrik Negara ataupun penganjur-penganjur daripada Universiti Merdeka, ini pada pendapat saya walau apa sahaja pun asalkan satu-satu perkara itu melibatkan orang ramai atau menjalankan satu-satu perkara membuat satu kacau-bilau di dalam

negara ini, sudah sewajarnya perkara-perkara ini diberi kuasa untuk dapat ditentang. Kalau bidang kuasa tidak diberi pada hari yang mulia ini kita tidak dapat ambil satu-satu tindakan. Saya rasa perkara yang baik mestilah kita kata baik dan perkara, yang tidak baik, kita mengaku tidak baik. Janganlah asyik membangkang dengan membuta tuli.

Saya suka juga menambah sedikit lagi iaitu kepada pegawai-pegawai Kerajaan, baik di peringkat rendah mahupun di peringkat atas, mestilah memberi perkhidmatan yang cemerlang dan pegawai-pegawai Kerajaan sangatlah kita harapkan kerana negara Malaysia yang merdeka yang kita kasihi ini sedang membangun dan sedang kita menuju ke arah untuk meninggikan taraf hidup rakyat dan kepada Dasar Ekonomi Baharu.

Dan saya rasa Kerajaan yang berjiwa rakyat yang dipimpin oleh Barisan Nasional tidak langsung berniat untuk merampas rezeki pegawai-pegawai atau hendak membubuh pasir ke dalam periok nasi pegawai-pegawai Kerajaan. Kita sama-samalah berdoa dengan adanya pindaan Perlembagaan ini akan membawa kita kepada satu matlamat yang cerah dan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat dalam Barisan Nasional adalah saya rasa pembantu kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Saya kata begitu, sebab apabila kita melawat kawasan-kawasan, kita terus melaporkan semua masalah-masalah yang disungutkan oleh pihak penduduk atau pihak pengundi kepada pegawai-pegawai Kerajaan di dalam Majlis Tindakan Daerah ataupun dalam Majlis Tindakan Negeri supaya masalah-masalah yang dibangkitkan oleh rakyat tadi dapat diatasi dengan lebih cepat. Jadi pegawai kadangkadang tidak sampai ke tempat itu, Wakil Rakyat yang dipilih telahpun menjelajah dan membawa segala laporan, jadi anggaplah Wakil-wakil Rakyat ini sebagai pembantu tuan-tuan sekalian. Saya rasa janganlah tuan-tuan bimbang, kita semua akan bekerjasama dan pindaan Undang-undang akan memberi faedah yang baik kepada tuan-tuan juga. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

6.43 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1978.

Tuan Yang di-Pertua, inilah kali kedua Perlembagaan kita dipinda sejak Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri memegang jawatan Perdana Menteri. Terdapat lebih dari 100 pindaan yang dibuat dalam Perlembagaan kita dan setiap kali Perlembagaan kita dipinda hak rakyat kita disekat lebih ataupun dihapuskan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan sebuah negeri merupakan satu dokumen yang amat suci dan ianya tidak boleh dipinda mengikut nafsu parti yang memerintah. Terdapat beberapa pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini dan saya ingin menyentuh secara mendalam satu demi satu.

Pindaan Perkara 135 (2), sebab-sebab yang mengakibatkan pindaan kepada Perkara 135 (2) adalah jelas dan kita ketahui bahawa pindaan ini adalah hasil secara langsung keputusan yang diberikan oleh Privy Council pada 22hb Jun tahun ini dalam kes Mahan Singh versus Government of Malaysia. Yang Arif Hakim-hakim Privy Council telah memutuskan bahawa penamatan kerja Encik Mahan Singh itu oleh Kerajaan Malaysia bermakna beliau dibuang kerja. Setelah gagal dalam kes ini, Kerajaan kini kemukakan pindaan ini supaya untuk memperuntukkan bahawa sesiapa yang ditamatkan pekerjaan atas sebab-sebab kepentingan awam, penamatan kerja tidak boleh dianggap sebagai buang kerja dan apa yang lebih dahsyat ialah proviso ini akan dianggap sebagai sebahagian perkara ini mulai Hari Merdeka.

Pindaan ini merupakan satu slap in the face bagi Hakim-hakim Privy Council, kerana pindaan ini secara terang-terang cuba halalkan apa yang sebenarnya diputuskan sebagai haram atau illegal oleh Hakim-hakim Privy Council.

Nampaknya Kerajaan tidak menghiraukan langsung keputusan yang dibuat oleh Privy Council dan cuba membalikkan keputusan atau reverse keputusan Privy Council itu dengan mengadakan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, inikah pergolakan Undang-undang yang diagong-agongkan oleh Kerajaan Barisan Nasional? Inikah caranya Kerajaan melayan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah?

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih sedih dalam perkara ini ialah proviso baharu ini akan dianggap sebagai sebahagian integral Perkara ini mulai Hari Merdeka. Ini bermakna Kerajaan cuba memikirkan kesalahan-kesalahan dan kesilapan-kesilapan yang dilakukan sejak 21 tahun ini. Ianya cuba menghalalkan apa yang sebenarnya haram dan perbuatan ini adalah paling tidak adil, kotor dan sangat rendah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Perkara 15 (2) ini akan menafikan hak pegawai-pegawai awam dan juga mereka tidak akan menikmati security of tenure kerana Kerajaan boleh pada bila-bila masa menamatkan perkhidmatan mereka atas alasan penamatan perkhidmatan itu adalah dibuat atas kepentingan awam.

Mahkamah sebenarnya telahpun memutuskan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk menamatkan perkhidmatan seseorang demi kepentingan awam tetapi kuasa ini adalah tertakluk kepada Perkara 135 (2) di mana seorang pegawai awam tidak boleh dibuang kerja tanpa diberikan peluang yang menasabah untuk membela dirinya. Dalam pada itu pihak CUEPACS juga telah menyuarakan kebimbangannya dengan cadangan meminda Perkara 135 (2) kerana ia akan menarik balik hak-hak para kakitangan awam, lanjutnya CUEPACS melalui Setiausaha Agongnya Encik Jamaludin Mohamad telah membantah sekeras-kerasnya langkah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Perkara 135 (2) ini merupakan satu mockery kedaulatan Undang-undang kerana Kerajaan tidak menghiraukan langsung keputusan yang dibuat oleh Mahkamah dan dengan cadangan pindaan ini Kerajaan cuba membatalkan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum seorang dibuang kerja adalah menjadi hak dia untuk membela diri dan dengan pindaan ini hak

itu telah dilucut daripadanya. Ini adalah merupakan satu langkah yang retrogressive dan hendaklah dikutuk sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Pindaan kepada Perkara 149 bertujuan meluaskan bidang Perkara 149 supaya memberikan Parlimen kuasa untuk membuat Undang-undang mengenai perkara-perkara berkaitan dengan ketenteraman awam atau/dan pencegahan jenayah. Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 telah diwujudkan selepas Peristiwa Mei 13. Ordinan itu merupakan satu Ordinan sementara (temporary) sahaja tetapi sekarang apa yang patutnya menjadi sementara akan menjadi kekal setelah pindaan-pindaan yang dicadangkan ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila penggubal-penggubal Perlembagaan menggubal Perkara 149 mereka hanya hendakkan Perkara 149 itu digunakan untuk mencegah aktiviti-aktiviti yang memudaratkan dan menentang perbuatan subversif. Inilah menjadi tujuan penggubal-penggubal Perlembagaan kita, tetapi pada hal Kerajaan hendak memperluaskan bidang Perkara 149 untuk memasukkan aktiviti-aktiviti jenayah ke dalamnya.

Saya tidak membantah. Saya tidak menafikan bahawa dadah ialah satu masalah yang serius tetapi lain-lain negara yang membangun seperti Eropah, Jerman Barat dan lain-lain tempat, mereka tidak memakai undang-undang darurat atau meminda Constitution untuk mengatasi masalah ini. Misalnya di Jerman Barat, baharu-baharu ini mereka ada aktiviti terrorist tetapi mereka tidak membawa Ordinan Darurat dan tidak pula meminda Constitution. Tetapi negara kita apabila sahaja ada sedikit hal, kita hendak meminda Constitution.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada masa sekarang satu kes ulangbicara sedang berada di hadapan Privy Council di mana seorang penjenayah yang didapati bersalah oleh mahkamah kita di sini telah mencabar Perkara 149 ini kerana Perkara 149 tidak menyebut bahawa aktiviti jenayah boleh juga dimasukkan dalam bidang kuasanya. Kerajaan khuatir yang ia akan kalah dalam kes ini. Oleh yang demikian, in anticipation kepada keputusan kes ini, Kerajaan sekarang hendak membawa pindaan-pindaan kepada

Perkara 149 supaya memasukkan aktiviti-aktiviti jenayah ke dalam bidang Perkara 149 itu. Ini bukanlah caranya Kerajaan menjalankan tugas dan pentadbirannya. Setiap kali Kerajaan kalah di dalam masa mana-mana kes atau mungkin kalah dalam mana-mana kes, Kerajaan meminda undang-undang negara untuk memuaskan nafsunya. Ini bukanlah yang patutnya dibuat oleh sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan sebuah Kerajaan yang jujur.

Kita semua masih ingat bahawa dalam tahun 1976 apabila Perlembagaan kita dipinda satu di antara pindaan-pindaan yang dibuat itu ialah peruntukan yang membolehkan seorang Hakim Mahkamah Persekutuan membicara dan mendengar kes di Mahkamah Tinggi. Pindaan itu dibuat kerana dalam kes Dato' Harun Idris, seorang Hakim Mahkamah Persekutuan telah mendengar kes tersebut. Pada mulanya di Mahkamah Tinggi, pada hal hanya seorang Hakim Mahkamah Tinggi boleh mendengar kes tersebut pada peringkat yang berkenaan.

Kerajaan telah sedar tentang kesilapan ini dan terus membuat pindaan-pindaan kepada Perlembagaan di mana peruntukan dibuat untuk membolehkan seorang Hakim Persekutuan mendengar kes-kes di peringkat Mahkamah Tinggi. Bukan sahaja pindaan ini dibuat tetapi kuatkuasanya tidak dibelakangkan atau made retrogressive. Ini semua menunjukkan dengan jelas bahawa Kerajaan mempunyai motif disebalik belakangnya apabila ia mengemukakan pindaan-pindaan seperti pindaan-pindaan kepada Perlembagaan seperti yang ada di hadapan Dewan yang mulia ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

6.55 ptg.

Tuan Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pindaan yang dibentangkan di Dewan ini.

Mula-mula saya menyokong supaya tempoh Dewan Negara dipendekkan dari 6 tahun menjadi 3 tahun dan Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ditambah dari 32 orang hingga 40 orang.

Saya juga ingin mula-mulanya membidas apa yang telah dikemukakan oleh saudara kita Ahli Yang Berhormat dari Baling yang mengatakan bahawa sebelum kita meminda undang-undang ini kita harus juga meminda Article 45 Composition of the Senate, pecahan 4 (c), minta izin, Tuan Yang di-Pertua.

"45 (4) decrease the number of appointed members or abolish appointed members".

Sebagaimana yang kita ketahui Clause 1 yang kita hendak pinda ini, saya rasa tidak seharusnya kalau hendak dipinda, perlu kita meminda Article 45 (4) (c) kerana Article 45 (4) mengatakan, minta izin, Tuan Yang di-Pertua.

"45 (4) Parliament may by law—

(a) x x x x x x x x

(b) x x x x x x x x

(c) decrease the number of appointed members or abolish appointed members.

Jadi, sekiranya kita tambahkan Ahli Dewan Negara dari 32 orang hingga 40 orang dengan sendirinya, saya rasa ahlinya bertambah 40 dan sekiranya apa-apa berlaku, kita ingin hendak mengurangkan, kita gunakan Article 45 (4) (c) ini. Lagi pun untuk meminda pecahan 4 (c) tidak memerlukan majority yang besar—common majority sudah cukup. Saya rasa untuk Ahli Yang Berhormat dari Baling hendak mengetahui lagi, saya rasa lebih baik merujuk kepada pakar undang-undang yang layak dan harus kita rujuk kepada yang boleh dipercayai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyenutuh apa yang telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli DAP yang mengatakan bahawa undang-undang pindaan yang dilakukan ini adalah semata-mata untuk bertujuan memuaskan nafsu Barisan Nasional sahaja dan untuk keperluan Barisan Nasional, kerana inginkan hawa nafsunya dipuaskan. Saya boleh juga berkata bahawa apa-apa yang dilakukan oleh DAP juga mungkin bertujuan untuk memuaskan hawa nafsu mereka. Sekiranya mereka boleh mengatakan dan menuduh bahawa Barisan Nasional melakukan sesuatu untuk tujuan memuaskan hawa nafsu maka kita juga boleh menuduh mereka, mereka melakukan sesuatu kerana hendak memuaskan nafsu dan ada juga Ahli DAP mengatakan bahawa Senate ataupun

Dewan Negara tidak perlu diwujudkan, kerana kebanyakan dari Ahli-ahlinya adalah terdiri daripada Ahli-ahli yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan beliau juga mengatakan bahawa haruslah diwujudkan satu Senate yang mengandungi terdiri daripada Ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tujuan kita meminda Perlembagaan yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah memandangkan kepada hakikat bahawa negara kita pada masa ini telah mencapai kemajuan yang pesat dan mempunyai ramai pakar-pakar yang sedia ada, jika sekiranya dilantik ke Dewan Negara akan boleh menyumbangkan banyak perkara-perkara untuk pembangunan negara dan demi kepentingan rakyat jelata khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, dari itu adalah perlu untuk kita meminda bukan kerana kita bertujuan untuk kepentingan kita sendiri dan bukan untuk kepentingan Barisan Nasional tetapi untuk kepentingan rakyat kerana saya rasa adalah perlu kita mengujudkan satu suasana bila mana ada perbezaan dalam fikiran itu, tidak perlu kita memerlukan orang-orang yang dipilih sahaja ataupun orang yang dipilih oleh rakyat sahaja tanpa memerlukan orang atau Ahli-ahli Dewan Senate atau Dewan Negara yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dan tidak perlu juga, saya rasa, kita menghapuskan sistem perlantikan dan menukarkan terus menerus kepada sistem bilamana tiap-tiap Ahli Dewan Rakyat dan tiap-tiap Ahli Dewan Negara itu harus dipilih oleh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sebuah negara demokrasi seperti Malaysia ini, adalah perlu untuk kita mengubahsuaikan Dewan Rakyat dan Dewan Negara kita dengan kehendak dan keperluan zaman. Kita tidak mengubahsuaikan dan menukarkan sesuatu sistem itu tanpa tujuan yang baik. Kita menukar sesuatu sistem ialah setelah mengkaji beberapa perkara yang berlaku terhadap negara kita. Sekiranya sistem yang ada tidak diubahsuaikan, contohnya sekiranya Ahli Dewan Negara tidak diperbanyakkan dan sekiranya masa Ahli Dewan Negara itu dilantik tidak diubah dari 6 tahun hingga kepada 3 tahun, maka per-

janaan pentadbiran negara kita tidak akan dapat berjalan dengan lancar dan licin. Itu yang ditakutkan.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah saya bermaksud bahawa apabila saya mengatakan ini kita sedari bahawa kita sebagai manusia setelah kita berkhidmat begitu lama, kita merasai bahawa kita itu letih dan begitu juga berlaku mungkin terhadap Ahli-ahli Dewan Negara setelah mereka bertugas begitu lama dan setelah mereka berkhidmat dengan rakyat bukan hanya di Dewan Negara tetapi juga di tempat-tempat lain sebelum mereka dilantik ke Dewan Negara, maka saya rasa tiba masanya untuk mereka diberi peluang berehat dan memberikan peluang untuk orang lain yang kita fikir dan yang mereka juga fikir dan yang Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong fikir sesuai untuk mengambil tempat mereka di Dewan Negara. Dan dengan ini saya rasa variasi ataupun perubahan dalam bentuk Ahli Dewan Negara itu akan dapat berubah dan akan dapat menyesuaikan diri dengan kehendak dan perubahan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat bahawa adalah wajar untuk kita melantik 2 orang Ahli Senate bagi Wilayah Persekutuan dan memandangkan kepada hakikat bahawa di Wilayah banyak perkara-perkara yang harus diselesaikan dan banyak komplikasi-komplikasi, banyak perubahan-perubahan baru dan kemajuan-kemajuan baru yang harus diubahsuaikan dan dengan perlantikan 2 orang Ahli Senate yang baru mewakili Wilayah Persekutuan itu, saya rasa dapatlah beban-beban yang dipikul oleh Wilayah Persekutuan diringkankan. Dan begitu juga harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, supaya perlantikan Ahli-ahli Dewan Negara yang baru akan dapat diselaraskan dengan luas kawasan itu ataupun ramainya penduduk. Contohnya saya tengok di Sabah dan di Sarawak terdapat penduduk yang lebih ramai dan luasnya kawasan, maka saya rasa perlantikan haruslah setidak-tidaknya 3 orang untuk tiap-tiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong pindaan baru kepada Perlembagaan bersabit dari Perkara 135 (2) berhubung dengan sekatan mengenai pembuangan kerja dan penurunan pangkat pegawai Perkhidmatan Awam. Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jelaskan bahawa pihak Barisan Nasional

bertindak seperti ini bukanlah semata-mata untuk memuaskan kehendak nafsunya, tetapi memandangkan bahawa sudah beberapa lama dan di masa-masa yang lepas banyak perkara-perkara yang berlaku yang sekiranya ada Perlembagaan dipinda seperti ini, maka tidaklah berlaku banyak perkara sebagaimana yang telah berlaku pada masa lepas. Dan kita juga memandang berat terhadap kecekapan (efficiency) Perkhidmatan Awam kita terutama sekali bilamana negara kita sedang mengimplimentasi dan melaksanakan berbagai-bagai projek demi kepentingan rakyat.

Perlu juga diingatkan oleh anggota-anggota Perkhidmatan Awam bahawa Kerajaan berbuat demikian bukanlah semata-mata untuk menindas atau menyekat mereka ataupun untuk menghalang mereka daripada mencapai kemajuan, ataupun menghalang mereka daripada menyihatkan badan lebih lagi—saya rasa kalau dapat duit banyak, dapat dia badan lebih gemuk sedikit sebagaimana dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran kelmarin “Kalau gemuk—sihat”—tetapi ialah dengan harapan supaya Perkhidmatan Awam ini akan dapat dijadikan satu jentera yang boleh menolong mengimplimentasi dan melaksanakan segala projek-projek Kerajaan dengan cara yang paling berkesan dan efektif. Ini yang paling penting, saya rasa. Janganlah hanya kita ingat bahawa apabila Kerajaan hendak memperkenalkan Aziz Report, Cabinet Committee Report ataupun Headmasters Scheme sahaja kita sokong Kerajaan punya pindaan, tetapi kalau Kerajaan meminda satu Perlembagaan yang ada kena mengena dengan gaji ataupun dengan harapan mereka, bukan untuk keperluan pihak Barisan Nasional sahaja saya rasa tetapi untuk kepentingan rakyat, maka ramai daripada ahli-ahli Perkhidmatan Awam ini adalah menyokong.

Saya juga ada melihat surat yang dihantar oleh pihak CUEPACS kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang tidak bersetuju dengan langkah yang diambil oleh pihak Barisan Nasional dan Kerajaan pada hari ini. Mereka juga menuduh bahawa tidaklah patut untuk Kerajaan bertindak sedemikian kerana ini menyekat kebebasan pihak anggota Perkhidmatan Awam.

Saya pernah juga menjadi seorang pegawai Kerajaan dan saya juga nampak kelemahan di masa lepas dan sekiranya ada pindaan Perlembagaan seperti apa yang dilakukan sekarang, maka saya rasa banyak lagi kebaikan yang akan dapat diwujudkan, banyak lagi perkara yang dahulunya dilakukan salah dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasai bahawa bukan sahaja tujuan Kerajaan ialah untuk memberi kerja ataupun peluang kepada orang-orang baru untuk bekerja—saya rasa anggapan seperti inipun salah juga; kalau kita hendak beri kerja kepada orang baru kita terpaksa lepaskan orang lama itu, tidak adil—tetapi kalau ada peluang bilamana akibat daripada seorang pegawai itu lepas kerja kerana apa yang dia lakukan bertentangan dengan Perlembagaan Pindaan ini, maka setidak-tidaknya ada (*Dengan izin*) at least one or two vacancies and for this one or two vacancies, the newcomers who have just passed Form V or Form VI can go and work, replace him because he resorts to this sort of things as doing part-time job as a businessman. Maybe because he is not interested in the job but because he is interested in business way not get rid of him and replace him with someone who is eager to do the job and is eager to earn some money for his living?

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang berlaku, sebagaimana saya lihat ada pegawai-pegawai yang terlibat dalam part-time business tetapi masih lagi bekerja sebagai pegawai Kerajaan. Tetapi dengan pindaan Perlembagaan ini, harapan kita ialah supaya mereka ini akan mengubah corak hidup mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang harus juga disedari oleh pihak pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Saya ingat dahulu semasa saya menjadi seorang guru, sekiranya saya tidak hadir di kelas pada suatu hari, siapa yang rugi? Yang pertama, sayalah yang rugi. Tetapi saya seorang sahaja yang rugi. Yang kedua, siapa yang rugi? Yang kedua ialah murid yang 45 orang di dalam kelas itu rugi. Jadi contoh begini boleh menjelaskan lagi kepada kita bahawa sekiranya seorang pegawai Kerajaan itu tidak lancar dan licin menjalankan tugasnya, maka ramai rakyat jelata yang menerima akibat buruk daripadanya.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I think it is better that Government servants, who feel that they are being suppressed, should refer to the case of teachers. If a teacher is absent for one day, what will happen? She makes 45 students suffer and miss the lesson and if she does not complete the syllabus within one month, she makes the 45 or 100 students suffer within one month who might thus fail their examination. This is most important.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh ke atas pindaan kepada Perkara 141 (a) Perlembagaan mengenai penambahan jawatan Timbalan Pengerusi kepada Pengerusi untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Saya memandang berat perkara ini dan saya sebenarnya menyokong ini, kerana sebagaimana saya dapati setakat ini di Jabatan Pelajaran—saya bukan hendak komplek terhadap Kementerian Pelajaran, tidak—sebelum Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran mengambil alih kuasa di Sarawak dalam tahun 1978—ada guru-guru yang berkhidmat mempunyai perkhidmatannya belum diconfirm lagi, (*Dengan izin*) though he started serving as a teacher in 1971 his post was not confirmed until 1977. Just imagine!

Jadi dengan perlantikan seorang Timbalan Pengerusi, saya harap bahawa apa yang dikerjakan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ini akan dapat dijalankan dengan lancar dan licin. Saya tidak mahu bercakap banyak, tetapi harapan kita dengan bertambahnya ahli ataupun anggota dalam Suruhanjaya ini, dengan mengadakan Timbalan Pengerusi maka dapatlah Pengerusi pergi ke Sabah dan Sarawak, sekalipun jalanraya sudah baik, tetapi perlu juga pegawai lebih ramai lagi berkhidmat demi kebaikan sistem pelajaran kita supaya dapat apa perasaan guru-guru yang belum diconfirm sejak tahun 1971 hingga tahun 1977 dapat dipuaskan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

7.04 mlm.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Pindaan Perlembagaan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada pendapat saya, mengikut akal yang siaman dan fikiran yang waras, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) yang telah dikemukakan oleh Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri ini patutlah kita sokong. Bukanlah saya kata begitu sebagai seorang ahli dalam Barisan Nasional yang menjadi pak turut tetapi apa yang saya kata, dengan kenyataan-kenyataan, dengan alasan-alasan yang saya fikir amatlah perlu.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 45 berkenaan dengan tambahan bilangan Ahli Dewan Negara. Sebelum saya cakap atas perkara lain, saya suka menyatakan khasnya kepada Ahli-ahli Pembangkang, Ahli-ahli Pembangkang ini bukan saya katakan tidak tahu, mereka ini juga pandai. Tetapi sebelum satu-satu tuduhan dilakukan, hendaklah disiasat terlebih dahulu. Pada pendapat saya, walaupun Ahli-ahli Dewan Negara itu tidak dipilih oleh rakyat, tetapi mereka juga secara pilihan telah dua kali tapis. Mengapa saya katakan dua kali tapis, Tuan Yang di-Pertua?

Satu, bilangan ahli yang dipilih oleh tiap-tiap satu negeri ialah dua orang. Mereka ini bukan begitu sahaja boleh datang sebagai Ahli Dewan Negara tetapi hendaklah dipilih oleh Dewan Negeri masing-masing. Ahli-ahli Dewan Negeri itu dipilih oleh rakyat. Sebab itulah saya katakan dua kali dipilih, special pilihanraya, tetapi lepas tapis, ini kena faham betul bukan sahaja mereka boleh duduk begitu senang. Mereka dipilih oleh Dewan Negeri masing-masing—2 orang bagi setiap negeri.

Yang satu lagi, ahli-ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Mengikut Perlembagaan kita, kalau seseorang hendak menjadi Yang di-Pertuan Agong, hendaklah dia dipersetujui oleh Raja-raja yang memerintah dalam negara kita Malaysia, barulah boleh dapat menjadi Yang di-Pertuan Agong. Itulah yang saya katakan pilihan yang special. Ahli-ahli di Dewan Negeri dipilih oleh rakyat. Makna pilih atas pilih, ini cukup special. Ini hendaklah difahamkan betul-betul oleh Ahli-ahli pembangkang, khasnya DAP, jangan tidak faham. Itu saya suka menyatakan kepada Ahli-ahli DAP dahulu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita katakan, boleh jadi kerana ahli-ahli dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Parti pemerintah. Walaupun parti pemerintah, yang menjadi Perdana

Menteri, bukan sahaja dia boleh jadi Perdana Menteri terus. Maaf saya kata, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn bukan dia pandai sendiri hendak jadi Perdana Menteri, tetapi disebabkan parti dia menang, orang angkat dia, sebab itu dia jadi Perdana Menteri. Bukan bererti semua orang yang duduk itu boleh jadi Perdana Menteri. Tidak boleh, kita kena ikut saluran. Ini saya harap Parti Pembangkang kena faham. (*Ketawa*)

Yang satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan iaitu saya pernah menjadi Ahli Dewan Negara dari 2-5-71 hingga 4-8-1974. Yang baik kena kata baik, walaupun bukan kita. Saya, sebagai bekas Ahli Dewan Negara, yang saya percaya hari ini pun semacam, saya menentang kuat kalau ada orang menyatakan Ahli Dewan Negara itu "rubber stamp"—saya menentang, saya kata tidak. Ini jangan dikatakan. Ahli-ahli Dewan Negara adalah orang yang bertanggungjawab saya yakin hingga ke hari ini. Mereka dengan tidak payah diberi surat, apatah lagi mereka jauh daripada parti Pembangkang. Selepas bercakap dengan tidak bertanggungjawab, mereka lari entah ke mana, boleh jadi mereka dengar di dalam bilik (*Ketawa*). Tetapi Ahli-ahli Dewan Negara walaupun dengan tidak diberi surat, pernah membahaskan Rang Undang-undang yang begini sampai pukul 2.00 pagi dan ada di dalam Dewan, kalau hendak keluar pun, pada waktu hendak sembahyang ataupun buang air sahaja.

Saya mengucapkan syabas kepada Ahli-ahli Dewan Negara, kerana saya pernah menjadi anggotanya. Dengan sebab itu, saya kata mereka ini sungguh-sungguh bertanggungjawab mengkaji dari satu segi ke satu segi, bukanlah jadi pak turut semata-mata. Dan apa yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya menyokong dengan sepenuhnya supaya banyak lagi orang-orang yang kita lantik menjadi Ahli-ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Ahli Dewan Negara telah dilantik, tiap-tiap negeri dua orang, walaupun negeri itu kecil seperti Perlis tetap dua orang. Dan sejak dilantik kalau tidak silap saya daripada tahun 1957 sampailah sekarang tidak ada seorang pun Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tetapi dilantik oleh

Dewan Undangan Negeri. Dengan sebab itu saya merayu dan berharap dengan teriak-sananya undang-undang ini, dengan ditambah 8 orang, lantiklah seorang daripada Perlis, bagaimanapun itu terpujulah kepada Kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita telah melantik Ahli-ahli Dewan Negeri mengikut kebolehan dan profession masing-masing dan kumpulan kaum masing-masing. Saya masih ingat lagi kalau tidak silap saya Tok Pangku Pandak Hamid dengan Datuk J. E. S. Crawford masih ada sampai sekarang iaitu mengikut kaum masing-masing. Saya berpendapat di segi lapangan masing-masing patutlah diberi kepada peladang, walaupun di Dewan Rakyat ini kita selalu bercakap mengenai peladang dan di Dewan Negara juga kita bercakap mengenai peladang khususnya untuk Bahagian Peladang patutlah dilantik seorang daripada jumlah 8 orang, itulah harapan saya kepada Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa dihadkan sehingga pukul 7.30 malam saya cuba hendak meringkaskan.

Mengenai Perkara 135 (2) saya ucapkan tahniah. Ini adalah seperti hadis, kita ikut Tuhan dan Nabi, orang yang buat baik, kita balas baik, ini Tuhan suruh, orang yang buat jahat, kena balas jahat dan kena denda. Kalau orang yang buat baik, kita balas jahat, orang buat jahat kita balas baik, jawapannya bodoh dan kalau pemerintahan-pun bodoh juga, sebab pemerintah ini cerdik, ia kena buat aturan. Pemerintah pada hari ini cukup bertanggungjawab kepada anggota-anggota perkhidmatan awam iaitu pegawai-pegawai Kerajaan dengan mana selalu menaikkan gaji pegawai-pegawai Kerajaan dalam Perkhidmatan Awam. Ada di antara gaji pegawai-pegawai Kerajaan yang lebih tinggi daripada gaji Menteri. Kalau tidak silap saya ada gaji pegawai Kerajaan yang lebih tinggi daripada gaji Menteri Besar. ini cukup anih. Ini adalah caranya hendak meraikan anggota-anggota Perkhidmatan Awam, kalau ada sesiapa yang mengatakan kita tidak rai, barangkali orang itu tidak tahu berfikir.

Saya biasa dengar ada orang berkata di negara-negara jiran kalau hendak bandingkan dengan Perkhidmatan Awam kita di

Malaysia jawatan Cikgu pun sudah cukup specia., tetapi kata mereka di negeri kami Ketua Pejabat pun payah hendak pakai mookar, mengapa? Fulusnya sedikit. Ini saya beritahu kepada pihak Pembangkang supaya mereka tahu sedikit. Saya biasa bertanya kepada kawan-kawan saya yang bertanggungjawab khasnya dalam politik: Tidak inginkah tuan menjadi Wakil Rakyat? Saya tidak ingin. Tetapi tuan berpolitik siang-malam. Saya berpolitik kerana saya tahu parti yang memerintah pada hari ini bertanggungjawab kepada rakyat. Kalau difikir dari segi keturunan saya, asal bapa saya seorang pak tani. Oleh kerana dasarnya pada hari ini Kerajaan menaikkan gaji saya sampai \$1,000 lebih, kalau saya tidak bersyukur kepada Tuhan, saya berdosa, kalau tidak berterima kasih kepada Kerajaan, saya adalah manusia yang tidak bertimbangrasi. Inilah dasar Kerajaan hari ini cukup mengambil berat tentang hal perkhidmatan awam terutama dari segi gaji kepada kakitangan Kerajaan, kerana kita tahu kakitangan Kerajaan dengan parti pemerintah, saya berani kata laksana jurubina dengan jurutera (architect and engineer). Bagaimanapun pandainya architect mereka bangunan, tetapi kalau engineer tidak bekerjasama, binaan tidak akan jadi, dan saya bolehlah anggap seperti akar dengan batang. Bagaimana pandainya akar mencari dahan, tetapi kalau batangnya itu berlubang, pokok itu tidak naik kerana cabangnya tidak sampai ke hujung. Dengan sebab itulah Kerajaan kita hari ini sungguh-sungguh mengambil berat terhadap perkhidmatan awam khususnya pegawai-pegawai Kerajaan. Tetapi malangnya yang menjadi pegawai Kerajaan itu cerdik, orang yang hendak menjadi pegawai mestilah cerdik, dia mesti ada kelulusan hendak memohon sesuatu jawatan, mesti ada kelulusan dan keayakan pula. Bukan bererti orang yang berkebolehan dan cerdik itu tetap baik, sebab itu dalam ayat Quran tidak ada dalam satu ayat Tuhan menyatakan orang yang pandai terus masuk dalam syurga—tidak ada. Tuhan tidak pernah janji orang yang pandai, orang yang bijak dimasukkan ke dalam syurga, walaupun Tuhan akui antara yang pandai dengan yang tidak pandai ada perbezaan, tetapi Tuhan tidak pernah janji yang pandai itu dimasukkan ke dalam syurga, tetapi Tuhan berjanji orang yang bertakwa dimasukkan ke dalam syurga, kerana di antara yang pandai inilah

yang jahat, orang bodoh tidak tahu buat jahat, sebab itu kerbau dia tidak tahu melompat. (*Ketawa*). Kalau ada pagar dia tidak tahu. Tetapi manusia ini cerdik, kerana cerdik itulah Tuhan beri otak kepada kita dan cerdik itu adalah baik kalau kita pandai gunakan. Pangkat, kecerdikan, wang semuanya bagus kalau kena saluran, tetapi pangkat, wang dan kecerdikanlah yang membawa manusia jahanam kalau tidak ikut saluran, ikut hawa nafsu, kedua-duanya itu berguna kepada manusia.

Saya berasa dukacita apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara kelmarin. Beliau menuduh Kerajaan kononnya kita tidak tangkap pangkat yang besar-besar, kita hanya tangkap yang kecil-kecil. Undang-undang ini kita hendak tangkap pangkat yang besar bukan pangkat yang kecil kerana pangkat yang besar ini mereka cerdik. Kalau menerima rasuah dia bukan mengambil duit \$330 dimasukkan dalam poket, tetapi dia main order dengan directivenya sahaja. Kita hanya boleh tangkap pegawai yang menerima rasuah yang mempunyai kenyataan kalau wang, wang sahaja tunjuk bagaimana diberi wang. Orang yang pangkat besar bukan memberi cara begitu, tetapi pakai main directive, hendak tangkap bagaimana? Sebab itu aturan ini kita buat. Dia tidak bekerja, dia tidak pergi ke pejabat dengan sebab itu ada aturan ini sebagai cara kita hendak mengatasinya.

Sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam kelmarin yang kena tangkap ialah yang pangkat kecil, itu saya akui kerana pangkat kecil dia tidak mempunyai duit, lambat diberi, dia sudah ambil. Buat kata dalam ugama Islam, kalau tidak silap saya seperti kata hadis: Orang yang fakir itu dekat-dekat dengan kafir. Bila dia tidak ada duit 1001 macam dia buat, tetapi orang yang ada duit dia cari makan cara cerdik, orang yang cerdik ini payah hendak tangkap sebab dia tidak menjalankan kerja dan cari makan cara tidak betul. Inilah yang ada dalam Perlembagaan Perkara 135 yang kita hendak adakan, bukan kita hendak tangkap orang yang baik dan bukan hendak buang orang yang baik. Orang yang baik kita naikkan gaji oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti yang ada pada hari ini, naikkan lagi pangkat, tetapi yang jahat ini kita kena hukum. Itu bukan sahaja hukuman yang kita buat, tetapi Tuhan suruh

buat begitu, sebab itu dibuat neraka dan syurga, orang yang baik diletakkan dalam syurga dan orang yang jahat diletakkan dalam neraka inilah yang dinamakan keadilan. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ada masa sedikit lagi saya cuba menghabiskan. Saya hendak menyentuh mengenai Perkara 149—Keselamatan. Perkara ini cukup penting sebagaimana saya kata tadi, dan saya amat sedih yang menjadikan huru-hara, merosakkan masyarakat ialah kerana dua sebab, ini saya tidak nafi. Satu berkenaan subversif dan hasut menghasut dan satu lagi berkenaan dengan dadah. Dadahlah yang menjadi satu punca yang besar, dadah ini orang tidak boleh hisap, kalau tidak ada pengedarnya. Tetapi hari ini yang menjadi penyakit dalam masyarakat ialah penghisap-penghisap dadah. Saya biasa tengok penghisap dadah berjalan, dia datang kepada kita dengan mata yang kuyu dan kita merasa pelik sangat rupanya dia ketagih dadah dan ada setengahnya tidur atas batas, tepi batas, umurnya masih muda dan cantik. Kepada ibu dan ayah dia tidak hormat pada dirinya pun dia tidak hormat bila kena penyakit dadah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam juz 13 Tuhan berfirman manusia ini memang tertarik kepada kerja yang jahat, kalau benda itu ditegah, benda itu yang dia hendak buat. Tetapi bila sudah terlekat sehingga ketagih, payah hendak buang, begitulah penyakit dadah. Mengapa dadah ini ada, sebab ada pengedarnya. Tetapi yang sedihnya yang selalu dapat ditangkap ialah orang yang mengambil upah tidak lebih daripada \$100-\$200 kerana mereka membawa dadah. Tetapi master plan yang memakai Mercedes 280S, 380S tidak ditangkap. Minta maaf, master mind bukan master plan, saya tarik balik (*Ketawa*). Tetapi memang betul plan juga, plan bawa dadah. Master mind ini memakai motokar 350SE wallahua'lam sayapun tidak pernah nampak, dan berbagai-bagai kemewahan lagi. Di manakah mereka ini dapat wang, kalau tidak dengan jalan yang salah, mereka ini kita tahu. Tetapi bagaimana hendak tangkap kerana dadah tidak pernah ada dalam motokarnya. Dadah ada dalam poket orang yang susah yang mengambil upah tadi, kepada master mind tadi tidak pernah ada benda yang salah ini, walaupun kita tahu tetapi kita

tidak dapat tangkap. Tetapi saya yakin dengan terlaksananya Undang-undang ini kepada pembelot-pembelot negara tadi yang membawa rosak kepada anak muda, rosak masyarakat, rosak negara, kita berharap mereka ini akan dapat ditangkap. Ini suruhan Tuhan, yang salah, kita kena tangkap.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga apa yang saya katakan tadi terlaksana, saya suka menjawab teguran pihak Pembangkang sedikit, dia kata seolah-olah Kerajaan kita ini zalim, Kerajaan tidak beri orang menjadi kaya. Kerajaan hendak beri orang jadi kaya, kerana wang yang Kerajaan ada pada hari ini diambil daripada wang rakyat, hendak belanja untuk pasukan Polis dengan wang dan hendak belanja untuk segala-galanya dengan wang. Kalau tidak ada wang seperti kata orang kampug—tak ada fulus semua kerja tak lulus; tidak ada duit, kerja tak jadi. Kita berkehendakkan wang. Kita bukan boleh cap wang. Kalau cap, wang tidak laku, melainkan dikenakan cukai; kita ambil cukai ini daripada orang bergaji banyak, orang kaya. Kerajaan Barisan Nasional hendakkan orang jadi kaya tetapi kaya ada kenyataan, bukan kaya berniaga dadah kerana ini boleh kena tangkap.

Perkara 147 berkenaan dengan United Kingdom, saya dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata kelmarin. Teruk kita, Tuan Yang di-Pertua, kerana sudah lama kita kena beri pencen kepada orang yang sudah berhenti dengan Kerajaan kita. Kita bersyukurlah dengan adanya pindaan Perlembagaan ini, kita berhentikanlah, sedangkan dalam negara kita pun, kita hendak belanja banyak. Apatah lagi kepada orang yang sudah berkhidmat kepada kita. Walaupun mereka itu sudah berkhidmat, tetapi masa mereka di sini kita sudah beri. Kalau sudah berhenti, tidak patutlah kita beri lagi. Saya harap bukan sahaja kepada United Kingdom, malah di mana sahaja ada negeri, misalnya India, Arab atau mana-mana negeri pun yang rakyatnya pernah bekerja dengan kita, orang ini sudah pencen, balik ke negeri asal mereka, putuskanlah perhubungan pencen, jadilah setakat itu sahaja. Kalau tak ada lagi Undang-undang, buatlah peraturan baru, kita belanja di sini sudah cukup kerana kepada negara kita pun adalah menjadi tanggungjawab kita yang

pertama walaupun kita kena berbaik dengan negara lain, tetapi kewajipan kita adalah paling utama.

Dengan ini saya menyokong apa yang diminta oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya harap dengan terlaksananya Undang-undang ini pembangunan kita akan jadi lebih pesat, kerana pegawai-pegawai kita bertanggungjawab, negara kita lebih aman, orang yang akan membuat kekacauan melalui dadah dan subversif kita dapat kesan. Dengan ini saya yakin akan bertambah baik lagi kepada negara kita, Tuhan berserta dengan pemerintah yang adil.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menjawab.

7.33 mlm.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya sukalah mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan ini dan segala pandangan serta teguran yang telah dikemukakan akan diambil perhatian dan mana-mana yang difikirkan menasabah dan berfaedah akan dijadikan panduan. Saya tidaklah berhajat hendak menjawab satu persatu masalah-masalah yang telah dibangkitkan tetapi dengan seberapa yang boleh, saya akan menyentuh perkara-perkara yang besar dan yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Damansara dalam tegurannya telah menuduh Kerajaan bahawa cadangan pindaan kepada Perlembagaan yang dibuat dengan secara tergesa-gesa selepas keputusan Privy Council ialah bertujuan mengelak dari pembayaran pampasan kepada anggota-anggota Perkhidmatan Awam yang telah diambil tindakan dan juga untuk menutup kesalahn pegawai-pegawai tertentu. Tuduhan ini adalah tidak benar.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling khususnya telah mengkritik keras atas peruntukan dalam Fasal 3, Rang Undang-undang ini iaitu proviso dalam Fasal 3 (b) hendaklah disifatkan macam mana berbunyi:

“3. (b) . . . dan proviso ini hendaklah disifatkan sebagai sebahagian integral Perkara ini mulai dari Hari Merdeka.”

Tuan Yang di-Pertua, tidak puas membuat kritik sedemikian. Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu membuat pula tuduhan yang liar terhadap saya. Beliau menuduh saya dan benarkan saya menggunakan percakapannya di dalam terjemahan bahasa Inggeris, saya cuma dapat terjemahan ucapannya tadi dalam bahasa Inggeris. Beliau telah menuduh saya bahawa saya telah arrogated to myself the role of a “super judge” higher than the supreme appellate court in our judicial system.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya membaca ucapan dalam terjemahan bahasa Inggeris. Ahli Yang Berhormat dari Petaling, dan saya mengalu-alukan kehadirannya di dalam Dewan kali ini, mengatakan:

“I am more shocked when the Prime Minister said yesterday that the Privy Council has “misinterpreted” Article 135, for he appeared to have arrogated to himself the role of a super judge, higher than the supreme appellate court in our judicial system.”

Menyambung percakapannya:

“His remarks that the Privy Council having “misinterpreted” Article 135, and the current proposal to nullify the Privy Council’s decision by amending Article 135 to exclude its operation in cases like the operation of Regulation 44, have dealt a grievous blow on the concept of the Rule of Law especially as it has emanated from the Prime Minister who has strenuously built up an image of fullest respect to the Rule of Law.”

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya gunakan bahasa Inggeris. I am doubly more shocked that the Honourable Member should accuse me of saying something that I did not say.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beri jalan di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (b).

Perdana Menteri: Saya akan sambung percakapan saya. Masa saya membentangkan Rang Undang-undang ini semalam, Ahli Yang Berhormat itu tidak ada di

dalam Dewan ini dan harus juga tidak ada sama sekali di dalam Bangunan Parlimen ini. Dan nampaknya Ahli Yang Berhormat itu tidak pula membaca *Hansard* yang mengandungi ucapan saya . . . (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Jangan ganggu kalau tak diberi jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat: Duduk, duduk, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Itu suara-suara yang liar.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal mereka lebih ramai. Jangan ganggu bila seseorang Ahli Yang Berhormat bercakap melainkan di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (a) on a point of Order sahaja.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu beri jalan

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, duduk!

Tuan P. Patto: (*Masih berdiri*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata duduk, duduklah! Saya beri amaran yang akhir, saya kata duduk, duduk!

Perdana Menteri: Siasatlah dahulu. Saya sungguh hairan, Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang tidak ada sedikit pun sifat bertanggungjawab di dalam Dewan ini (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, jika tidak ada sebab-sebab yang tertentu dan munasabah, Kerajaan memang tidak suka hendak mencadangkan sesuatu peruntukan dalam Rang Undang-undang yang berkuatkuasa retroactively.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sejak dari sebelum Merdeka lagi menganggap penamatan perkhidmatan sebagai tindakan yang berasingan dari pemuangan kerja. Ini jelas terbukti dari peruntukan-peruntukan yang ditetapkan bagi kedua-dua tindakan itu.

Bagi kes pemuangan kerja, peluang untuk didengar mengikut Perkara 135 (2) Perlembagaan adalah diperuntukkan di bawah

peruntukan 30, Perintah Am Bab D, 1969 dan lain-lain peraturan yang terdahulu darinya. Bagi tindakan penamatan perkhidmatan yang diambil tindakan di bawah peruntukan Peraturan 44, peraturan yang berlainan dikenakan. Perbezaan di antara kedua-dua tindakan ini telah wujud sejak sebelum Merdeka lagi, dan ini terbukti juga dari peruntukan dalam Ordinan Pencen, 1951.

Saya suka menerangkan di sini iaitu kuasa untuk mengambil tindakan mempersarakan atas kepentingan awam adalah perlu, sebagaimana yang saya sebutkan semalam, untuk memastikan disiplin dalam Perkhidmatan Awam yang begitu ramai dan mengendalikan kuasa yang luas.

Sungguhpun ada perbekalan dalam Perlembagaan di bawah Perkara 135 (2) memberi hak kepada seseorang pegawai untuk membela diri atau didengari, tetapi mungikut fahaman Kerajaan pada waktu menaja Perintah Am Bab D, 1969 pada fahaman Kerajaan pada masa itu, perbekalan dalam Perlembagaan juga menyatakan perkhidmatan seseorang pegawai adalah atas ikhsan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (at the pleasure of the Yang di-Pertuan Agong).

Artikel 132 (2A)—tidak ada terjemahannya dalam Bahasa Malaysia dan benarkan saya, Tuan Yang di-Pertua, membaca Artikel itu dalam bahasa Inggeris. Artikel 132 (2A) membuat peruntukan demikian:

“Except as expressly provided by this Constitution, every person who is a member of any of the services mentioned in paragraphs (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g) and (h) of Clause (1) holds office during the pleasure of the Yang di-Pertuan Agong”

Lagi pula, kuasa di bawah Perintah Am Bab D, peruntukan Peraturan 44 yang dikuatkuasakan di bawah Undang-undang Darurat adalah difikirkan pada masa itu boleh mengatasi perbekalan Artikel 135 dalam Perlembagaan. Itu maksud hakikat, tujuan ada, tetapi sekarang bila perkara itu dibawa kepada Privy Council, pendapat Privy Council adalah berlainan daripada apa yang difaham dan difikirkan pada masa itu.

Walau bagaimanapun memandangkan keputusan Privy Council mengenai kes Mahan Singh di mana tindakan penamatan

perkhidmatan demi kepentingan awam yang saya kata telah ditakrifkan sama sebagai pembuangan kerja, maka perlulah pindaan kepada Perkara 135 (2) Perlembagaan dibuat supaya maksud Kerajaan membezakan di antara tindakan pembuangan kerja dengan tindakan penamatan perkhidmatan dapat dijelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa saya dan rakan-rakan saya dalam Kabinet telah menimbang cadangan ini dengan sehalus-halusnya. Sebagai seorang peguam, saya tidak senang dengan sebarang cadangan menyekat seorang pegawai daripada diberi peluang untuk didengar, tetapi sebagai Ketua Eksekutif yang bertanggungjawab ke atas kecekapan dan keutuhan Perkhidmatan Awam kita, saya berasa puas hati bahawa cadangan ini adalah mustahak bagi menjamin sa.u Perkhidmatan Awam yang sihat, cekap, jujur dan dedikasi.

Saya bagi pihak Kerajaan sukalah memberi jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa kuasa yang diberikan ini tidak akan disalahgunakan dan akan hanya digunakan demi kepentingan dan faedah anggota dan kakitangan Perkhidmatan Awam seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah membangkitkan iaitu Perlembagaan kita ini selalu sangat dipinda. Saya rasa, saya tidak dapat memberi penjelasan yang lebih jelas lagi daripada pandangan yang telah dikemukakan oleh Ketua Hakim Negara kita sendiri dalam bukunya yang bertajuk "An Introduction to the Constitution of Malaysia", yang dikarang atau dibuat oleh Ketua Hakim Negara kita dan, Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya membaca pendapatnya di dalam bahasa Inggeris.

Di muka surat 291 buku ini yang bertajuk "Are Constitutional amendments a good thing?" Tun Suffian berpendapat:

"Since 1957 the constitution has been amended fifteen times. (In contrast, the American constitution signed on 17th September, 1787, has during the last 180 years been amended only 14 times.) The most massive amendments were made to bring Malaysia into being, and the latest, early in 1971, was to remove from public discussion sensitive issues. The criticism has been made that the constitution as a sacrosanct document should not be

amended so often if the people are expected to respect it. It is true that the people should be educated to regard the constitution as an important document and it should not be subject to frequent amendments. But at the same time—kata Tun Suffian—it must be remembered that unlike the American constitution which is a very brief one containing only the barest essentials, though intended to meet the needs of a much larger country, by contrast our constitution, following the Indian model, is a very long and elaborate one. This is inevitable because it was hammered out at a time when all parties concerned had the advice of very able lawyers."

Sambung Tun Suffian:

"Our constitution is a working document. It is a partnership agreement regulating the relations between the component members of the federation. Every partner insisted on safeguards for its own interests and consequently the constitution contains *minutiae* not to be found in other constitutions. That the framers of the constitution themselves regarded these as *minutiae* is obvious from the fact they provided that some provisions may be amended by a simple majority. As a working document, the constitution is in use every day by all fourteen governments. When certain provisions are found from experience to be unsatisfactory or no longer appropriate to present circumstances, should these provisions be regarded as sacred and immutable?"—That is what Tun Suffian asks—"Or should they be amended to bring them in accord with current needs and thinking? A balance has to be struck between the two opposing points of view implied in these questions."

"What happens"—Tun Suffian asks—"if our Government cannot enact constitutional amendments that are regarded as essential? Probably the public will feel then that the constitution is too rigid and Malaysians will look back with nostalgia to earlier times when the constitution could be amended as and when the need for it arose."

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pandangan Tun Suffian itu tepat menjawab pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah juga mengesyorkan supaya hukuman bunuh dikenakan kepada pengedar dadah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hukuman-hukuman yang terdapat di dalam Ordinan Dadah Merbahaya, 1952 adalah cukup berat termasuk hukuman bunuh. Tetapi sebagai yang saya kata di dalam ucapan saya semalam, masa'ahnya adalah bagi membuktikan kesalahan-kesalahan ini dalam Mahkamah. Oleh kerana itulah perlu diadakan suatu undang-undang tahanan pencegahan (preventive detention) supaya dapat mencegah mereka itu dari meneruskan kegiatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, teguran oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star membayangkan bahawa Ahli Yang Berhormat itu tidak faham dengan peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan. Parlimen sebagai badan yang ditugaskan membuat Undang-undang adalah berhak meminda mana-mana undang-undang termasuk Perlembagaan, dengan syarat yang tertentu. Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Baru semalam, kuasa ini termaktub dalam Perkara 159, Perlembagaan. Perkara 45 (4) yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak menyekat Parlimen membuat pindaan yang dicadangkan ini.

Maksud peruntukan Perkara 45 (4) ialah membolehkan Parlimen membuat Undang-undang biasa bagi menambah bilangan ahli yang dipilih untuk Dewan Negara bagi sebuah Negeri, menjadi tiga, atau supaya ahli-ahli yang akan dipilih bagi sebuah Negeri itu, dipilih melalui undi terus (direct election). Peruntukan ini juga membolehkan Parlimen membuat Undang-undang biasa bagi mengurangkan bilangan ahli-ahli yang dilantik atau menghapuskan ahli-ahli yang dilantik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pindaan kepada Perkara 45 (4), Perlembagaan ini telah dilakukan dalam tahun 1963 bagi menambah bilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dari 16 menjadi 22, dan dalam tahun 1964 pindaan telah sekali lagi dibuat bagi menambah bilangan ini kepada 12, dan dalam tahun 1964 pindaan telah sekali lagi dibuat bagi menambah bilangan ini kepada 32.

Tuan Yang di-Pertua, kepada soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak mengenai taraf pendatang haram dari Vietnam, pendirian Kerajaan adalah jelas dan terang. Mereka ini tetap disifatkan sebagai pendatang-pendatang haram dan perlulah dianggap sedemikian, dan hendaklah juga mereka dikenakan tindakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Undang-undang Imigresen. Dari segi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pula, mereka menganggap orang-orang tersebut sebagai orang-orang pe'arian dan oleh itu telah memberi bantuan-bantuan yang diperlukan oleh mereka itu. Kerajaan terpaksa memberi kemudahan di atas sebab-sebab perike-manusiaan dan bagi membolehkan mereka dipindahkan ke negara-negara ketiga. Pindaan kepada Perkara 149 yang dicadangkan itu tidaklah bermaksud untuk dikenakan kepada pendatang-pendatang haram dari Vietnam ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan-pandangan saya terhadap teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Rang Undang-undang yang saya kemukakan kepada Dewan yang mulia ini. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini menerima, sebagaimana yang telah didengar oleh kita, pindaan-pindaan yang difikirkan mustahak dan penting diluluskan. (*Tepuk*).

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 125; Yang Tidak Bersetuju, 7; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU:

Datuk Hussein Onn
 Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad
 Datuk Lee San Choon
 Tan Sri V. Manickavasagam
 Datuk Sri Hj. Hamzah Datuk Abu Samah
 Tan Sri Datuk Ong Kee Hui
 Tan Sri Datuk Hj. Abd. Kadir Yusof
 Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani
 Datuk Amar Hj. Abd. Taib Mahmud
 Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj
 Datuk Michael Chen Wing Sum
 Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah

Datuk Abd. Samad Idris
 Tan Sri Chong Hon Nyan
 Datuk Shariff Ahmad
 Datuk Mohamed Rahmat
 Datuk Richard Ho Ung Hun
 Tuan Paul Leong Khee Seong
 Tuan Abd. Manan Othman
 Tuan Leo Moggie
 Dato' Sri Hj. Kamaruddin bin Mat Isa
 Datuk Chan Siang Sun
 Datuk Mokhtar Hashim
 Dr Sulaiman bin Hj. Daud
 Datuk Hj. Ramli Omar
 Dr Goh Cheng Teik
 Datuk Dr Neo Yee Pan
 Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff
 Tuan Edmund Langgu anak Saga
 Puan Rafidah Aziz
 Tuan K. Pathmanaban
 Datuk Lew Sip Hon
 Tuan Hj. Salleh Jafaruddin
 Dr Ling Liong Sik
 Tuan Zakaria Hj. Abd. Rahman
 Datuk Syed Ahmad Shahabuddin
 Datuk Abdullah Abd. Rahman
 Tuan Sanusi Junid
 Tuan S. Samy Vellu
 Tuan Mak Hon Kam
 Dr Nik Hussain b. Abd. Rahman
 Tuan Clarence E. Mansul
 Tuan Patrick Anek Urea
 Tuan Luhah Wan
 Tuan Jawan Empaling
 Datuk Abd. Jalal bin Hj. Abu Bakar
 Datuk Embong bin Yahya
 Tuan Shahril bin Abd. Samad
 Tuan Abdullah b. Hj. Ahmad
 Tuan Abu Hassan b. Omar
 Tuan Idris b. Abd. Rauf
 Tuan Abd. Rahim b. Datuk Thamby Chik
 Tan Sri Datuk Patinggi Hj. Abd. Rahman
 Ya'kub
 Datuk Harris b. Mohd. Salleh
 Datuk Senu bin Abd. Rahman

Tuan Abdul Ghafar Baba
 Tan Sri Datuk Hj. Mohd. Said Keruak
 Tuan William Lye Chee Hien
 Tuan Mohamed Khir Johari
 Datuk Nik Hassan
 Datuk Mansor bin Othman
 Tuan Chin Hon Ngian
 Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad
 Tuan Oo Gin Sun
 Tuan A. K. Aliuddin
 Tuan Thomas Salang Siden
 Tuan Sibat Miyut Tagong
 Dr Hee Tien Lai
 Tuan Hashim bin Endut
 Tuan Muhiyuddin bin Md. Yassin
 Tuan Yusof bin Malim Kuning
 Tuan Abdul Ghani Misbah
 Tuan Jamaluddin bin Hj. Suhaimi
 Puan Wan Zainab bt. M. A. Bakar
 Tuan Lee Boon Peng
 Tuan Hashim bin Ghazali
 Tuan Au How Cheong
 Datuk Stephen Robert Evans
 Tuan Syed Hassan b. Syed Mohamed
 Tuan Ikhwan Nasir
 Tuan Ting Ling Kiew
 Tuan Hj. Mohd. Taufek
 Tuan Jonathan Narwin
 Dr Wong Soon Kai
 Tuan Yang Choong Fu
 Tuan Umar bin Haji Ismail
 Tuan Abah bin Mengimbal
 Tuan Abd. Shukur bin Hj. Siraj
 Tuan Kamaluddin bin Maamor
 Tuan Bujang Haji Ulis
 Tuan Alias bin Md. Ali
 Tuan Mohamed b. Hj. Ali
 Tuan Ismail bin Arshad
 Tuan Mohamed Tajol Rosli
 Tuan Ibrahim b. Muhammad
 Tuan Hj. Suhaimi b. Datuk Hj. Kamaruddin
 Tuan Shaari Jusoh
 Tuan Mohd. Bakri Abd. Rais
 Datuk Stephen Yong Kuet Tze

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh
 Tuan Hj. Mohd. Idris b. Hj. Ibrahim
 Tengku Noor Asiah bt. Tengku Ahmad
 Tuan Hishamuddin b. Hj. Yahya
 Tuan Azharul Abidin b. Abd. Rahim
 Tuan Lim Kiam Hoon
 Tuan Edwin Tangkun
 Tuan Liben anak Kato
 Tuan Richard Damping
 Tuan Chieng Tiong Kai
 Tuan Racha Umong
 Puan Yong Fatimah bt. Md. Razali
 Puan Shariffah Dora bt. Mohamad
 Tuan Abd. Kadir b. Sheikh Fadzir
 Tuan Ismail *alias* Mansor b. Said
 Tuan Hj. Ampong bin Puyon
 Datuk Askar b. Hasbollah
 Datuk Hj. Sakaran b. Dandai
 Dr Tan Tiong Hong
 Tuan Leonard Linggi Jugah
 Tuan Awang b. Jabar
 Tuan Abd. Rahman bin Daud
 Tuan Hussein bin Mahmood
 Tuan Hiew Nyuk Yin
 Wan Ahmad Najib bin Mohamad
 Tuan Mark Koding

TIDAK BERSETUJU:

Tuan Lim Kit Siang
 Dr Chen Man Hin
 Tuan Lee Lam Thye
 Tuan P. Patto
 Tuan Lee Kaw
 Tuan Chan Teck Chan
 Tuan Fung Ket Wing

TIDAK MENGUNDI:

Tiada.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab undi yang bersetuju lebih daripada 2/3 yang dikehendaki oleh Perlembagaan, maka Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.
 Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Bacaan Kali Yang Ketiga

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dan juga untuk membuat peruntukan-peruntukan tertentu bagi menguatkuasakan Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland berhubung dengan penjenayah dan lain-lain perkara yang berkenaan dengannya telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 125; Yang Tidak Bersetuju, 7; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU:

Datuk Hussein Onn
 Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad
 Datuk Lee San Choon
 Tan Sri V. Manickavasagam
 Datuk Sri Hj. Hamzah Datuk Abu Samah
 Tan Sri Datuk Ong Kee Hui
 Tan Sri Datuk Hj. Abd. Kadir Yusof
 Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani
 Datuk Amar Hj. Abd. Taib Mahmud
 Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj

Datuk Michael Chen Wing Sum
 Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah
 Datuk Abd. Samad Idris
 Tan Sri Chong Hon Nyan
 Datuk Shariff Ahmad
 Datuk Mohamed Rahmat
 Datuk Richard Ho Ung Hun
 Tuan Paul Leong Khee Seong
 Tuan Abd. Manan Othman
 Tuan Leo Moggie
 Dato' Sri Hj. Kamaruddin b. Mat Isa
 Datuk Chan Siang Sun
 Datuk Mokhtar Hashim
 Dr Sulaiman bin Hj. Daud
 Datuk Hj. Ramli Omar
 Dr Goh Cheng Teik
 Datuk Dr Neo Yee Pan
 Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff
 Tuan Edmund Langgu anak Saga
 Puan Rafidah Aziz
 Tuan K. Pathmanaban
 Datuk Lew Sip Hon
 Tuan Hj. Salleh Jafaruddin
 Dr Ling Liong Sik
 Tuan Zakaria Hj. Abd. Rahman
 Datuk Syed Ahmad Shahabuddin
 Datuk Abdullah Abd. Rahman
 Tuan Sanusi Junid
 Tuan S. Samy Vellu
 Tuan Mak Hon Kam
 Dr Nik Hussain b. Abd. Rahman
 Tuan Clarence E. Mansul
 Tuan Patrick Anek Uren
 Tuan Luhah Wan
 Tuan Jawan Empaling
 Datuk Abd. Jalal bin Hj. Abu Bakar
 Datuk Embong bin Yahya
 Tuan Shahril bin Abd. Samad
 Tuan Abdullah b. Hj. Ahmad
 Tuan Abu Hassan b. Omar
 Tuan Idris b. Abd. Rauf
 Tuan Abd. Rahim b. Datuk Thamby Chik
 Tan Sri Datuk Patinggi Hj. Abd. Rahman
 Ya'kub

Datuk Harris b. Mohd. Salleh
 Datuk Senu bin Abd. Rahman
 Tuan Abdul Ghafar Baba
 Tan Sri Datuk Hj. Mohd. Said Keruak
 Tuan William Lye Chee Hien
 Tuan Mohamed Khir Johari
 Datuk Nik Hassan
 Datuk Mansor bin Othman
 Tuan Chin Hon Ngian
 Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad
 Tuan Oo Gin Sun
 Tuan A. K. Aliuddin
 Tuan Thomas Salang Siden
 Tuan Sibah Miyut Tagong
 Dr Hee Tien Lai
 Tuan Hashim bin Endut
 Tuan Muhiyuddin bin Md. Yassin
 Tuan Yusof bin Malim Kuning
 Tuan Abdul Ghani Misbah
 Tuan Jamaluddin bin Hj. Suhaimi
 Puan Wan Zainab bt. M. A. Bakar
 Tuan Lee Boon Peng
 Tuan Hashim bin Ghazali
 Tuan Au How Cheong
 Datuk Stephen Robert Evans
 Tuan Syed Hassan b. Syed Mohamed
 Tuan Ikhwan Nasir
 Tuan Ting Ling Kiew
 Tuan Hj. Mohd. Taufek
 Tuan Jonathan Narwin
 Dr Wong Soon Kai
 Tuan Yang Choong Fu
 Tuan Umar bin Haji Ismail
 Tuan Abah bin Mengimbal
 Tuan Abd. Shukur bin Hj. Siraj
 Tuan Kamaluddin bin Maamor
 Tuan Bujang Haji Ulis
 Tuan Alias bin Md. Ali
 Tuan Mohamed b. Hj. Ali
 Tuan Ismail bin Arshad
 Tuan Mohamed Tajol Rosli
 Tuan Ibrahim b. Muhammad
 Tuan Hj. Suhaimi b. Datuk Hj. Kamaruddin
 Tuan Shaari Jusoh

Tuan Mohd. Bakri Abd. Rais
 Datuk Stephen Yong Kuet Tze
 Tuan Shamsuri bin Md. Salleh
 Tuan Hj. Mohd. Idris b. Hj. Ibrahim
 Tengku Noor Asiah bt. Tengku Ahmad
 Tuan Hishamuddin b. Hj. Yahya
 Tuan Azharul Abidin b. Abd. Rahim
 Tuan Lim Kiam Hoon
 Tuan Edwin Tangkun
 Tuan Liben anak Kato
 Tuan Richard Damping
 Tuan Chieng Tiong Kai
 Tuan Racha Umong
 Puan Yong Fatimah bt. Md. Razali
 Puan Shariffah Dora bt. Mohamad
 Tuan Abd. Kadir b. Sheikh Fadzir
 Tuan Ismail *alias* Mansor b. Said
 Tuan Hj. Ampong bin Puyon
 Datuk Askar b. Hasbollah
 Datuk Hj. Sakaran b. Dandai
 Dr Tan Tiong Hong
 Tuan Leonard Linggi Jugah
 Tuan Awang b. Jabar
 Tuan Abd. Rahman bin Daud
 Tuan Hussein bin Mahmood
 Tuan Hiew Nyuk Yin

Wan Ahmad Najib bin Mohamad
 Tuan Mark Koding

TIDAK BERSETUJU:

Tuan Lim Kit Siang
 Dr Chen Man Hin
 Tuan Lee Lam Thye
 Tuan P. Patto
 Tuan Lee Kaw
 Tuan Chan Teck Chan
 Tuan Fung Ket Wing

TIDAK MENGUNDI:

Tiada.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju melebihi daripada 2/3 yang dikehendaki oleh Perlembagaan, maka Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga hari Isnin, 11hb Disember, 1978, pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.20 malam.